

# **STANDARD KUALITI PENDIDIKAN MALAYSIA 2010**

KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA  
Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti  
Aras 3-6, Blok E15, Kompleks Kerajaan Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62604 Putrajaya  
Tel: 03-8884 4161 / 8884 4201 / 8884 4111  
Faksimili: 03-8884 6867 / 8888 6869

Diterbitkan oleh Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti  
Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010

**C** Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti  
Kementerian Pelajaran Malaysia

Semua hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti.

ISBN 978-983-9661-20-0

STANDARD KUALITI PENDIDIKAN MALAYSIA 2010

## ISI KANDUNGAN

Bab 1 : Pengenalan	1
Bab 2 : Panduan Penggunaan	6
Bab 3 : Pernyataan Standard	32
Bab 4 : Instrumen	38
Bab 5 : Deskripsi Skor	46
Bibliografi	99
Glosari	104

**BAB 1**  
**PENGENALAN**



## BAB 1: PENGENALAN

### 1.1 Latar Belakang

- 1.1.1 Akta Pendidikan 1996 subseksyen 117(a) memperuntukkan tanggungjawab kepada Ketua Nazir Sekolah (KNS) untuk **memastikan taraf (standard) pengajaran yang memuaskan diwujudkan dan dikekalkan di institusi pendidikan**. Walaupun subseksyen 117(a) berfokus kepada bidang pengajaran, namun bidang pengurusan institusi pendidikan juga termaktub dalam skop kewajipan KNS dan Nazir Sekolah (NS) seperti yang diperuntukkan dalam subseksyen 117(b), (c), (d) dan subseksyen 121. Menyedari pentingnya tanggungjawab ini dilaksanakan dengan lebih berkesan, pada tahun 2001 Jemaah Nazir Sekolah [mulai 2008 dinamakan sebagai Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK)] telah memperkenalkan mekanisme yang lebih sistematik untuk menetapkan satu standard bagi meningkatkan kualiti pendidikan di institusi pendidikan secara berterusan kepada tahap tinggi. Mekanisme tersebut dinamakan Sistem Pemastian Peningkatan Standard Tinggi Kualiti Pendidikan (SPPSTKP) atau disebut juga sebagai Standard Tinggi Kualiti Pendidikan (STKP).
- 1.1.2 STKP membolehkan sekolah membuat penarafan sendiri bagi mengenal pasti kekuatan dan kelemahan sekolah. Kelompangan yang wujud dianalisis bagi sekolah merancang program pemajuan sekolah secara berterusan. Selepas dua tahun pelaksanaannya, terdapat keperluan untuk mengkaji semula dan melakukan penambahbaikan kepada STKP. Berdasarkan maklum balas daripada sekolah, didapati STKP terlalu teknikal dan mengambil banyak masa untuk dilaksanakan. Sehubungan itu, JNJK mengambil inisiatif untuk mengkaji dan mengolah semula STKP.
- 1.1.3 Hasil kajian dan pengolahan semula STKP, JNJK telah menghasilkan Standard Kualiti Pendidikan Malaysia-Sekolah (SKPM-Sekolah) yang lebih ringkas dan mudah pada tahun 2003. SKPM-Sekolah digunakan oleh JNJK dan bahagian lain Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) untuk memeriksa dan menilai sekolah. Sekolah pula menggunakan SKPM-Sekolah untuk mengenal pasti kekuatan, kelemahan dan isu yang dihadapi melalui Penarafan Kendiri Sekolah (PKS). Maklumat ini dijadikan asas untuk sekolah melakukan penambahbaikan secara berterusan.
- 1.1.4 Berdasarkan Hala Tuju JNJK 2010-2015 yang memberi penekanan kepada aspek kemenjadian murid, perubahan terkini dalam bidang pendidikan seperti Transformasi Pendidikan dan Bidang Keberhasilan Utama Negara [*National Key Result Areas (NKRA)*] berkaitan pendidikan, penggunaan SKPM bertambah meluas dan semakin penting. Oleh itu, SKPM-Sekolah disemak semula dan dimantapkan untuk memenuhi keperluan tersebut dan hasilnya adalah SKPM 2010.

## 1.2 Penghasilan SKPM 2010

1.2.1 Bagi menghasilkan SKPM 2010, prinsip yang diguna pakai adalah seperti yang berikut:

- a. mempunyai kesinambungan dengan SKPM-Sekolah (2003);
- b. merangkumi semua aspek yang kritikal berkaitan proses pendidikan dan pengurusan sekolah sebagai organisasi pembelajaran;
- c. mengambil kira perubahan terkini dalam bidang pendidikan dan perkembangan semasa negara;
- d. menjadikan SKPM 2010 rujukan induk standard pendidikan negara;
- e. berfokus kepada fungsi proses dalam sesuatu bidang atau aspek dengan menitikberatkan *outcome*;
- f. mengambil kira maklum balas pengguna; dan
- g. menjadikan SKPM 2010 lebih mesra pengguna, praktikal dan mudah diurus.

1.2.2 Bagi memastikan skop dan kandungan SKPM 2010 menyeluruh dan relevan, perkara yang berikut dilaksanakan:

- a. membuat rujukan terhadap pelbagai standard berkaitan pendidikan dari dalam dan luar negara;
- b. membuat rujukan terhadap dokumen, buku dan literatur terutamanya yang berkaitan kepimpinan, pengurusan dan pedagogi;
- c. memperoleh pandangan dan maklum balas daripada:
  - Nazir Sekolah yang berpengalaman;
  - Pegawai Bahagian KPM;
  - Pengetua, guru besar, guru cemerlang, guru dan kesatuan guru;
  - Pakar dalam bidang pendidikan dari universiti tempatan khususnya dalam disiplin penyelidikan serta pengukuran dan penilaian;
  - Perunding NKRA (McKinsey & Co.);
  - Pegawai daripada *Performance Management and Delivery Unit (PEMANDU)*, Jabatan Perdana Menteri; dan
  - Pegawai Pengurusan Tertinggi KPM.

- d. melakukan uji rintis di pelbagai jenis dan kategori sekolah di seluruh negara untuk memastikan kesahan, kebolehpercayaan dan praktikaliti SKPM 2010.

### 1.3 Kerangka Konsep SKPM 2010

- 1.3.1 Dalam penghasilan SKPM 2010, Model Sekolah Berkesan (Effective School Model) (Sammons, Hillman & Mortimore, 1995) dan Model Penaziran Kemenjadian Murid yang dikemukakan dalam Hala Tuju JNJK 2010-2015 (JNJK, 2009) dirujuk dan dijadikan sebagai konsep asas.
- 1.3.2 Model Sekolah Berkesan adalah berteraskan Teori Sistem. Teori ini menyatakan bahawa sesuatu organisasi seperti sekolah yang wujud dalam suatu persekitaran terdiri daripada pelbagai elemen yang memiliki ciri-ciri unik dan mempunyai hubungan antara satu sama lain. Elemen yang berinteraksi antara satu sama lain secara berterusan menghasilkan impak. Dalam konteks sekolah, impak dilihat dalam kemenjadian murid.
- 1.3.3 Dalam Model Sekolah Berkesan semua *input* di sekolah diurus secara optimum untuk menghasilkan *output* yang cemerlang. Antara *input* tersebut ialah sumber manusia, sumber kewangan, sumber pendidikan dan kemudahan fizikal. Proses adalah berkaitan cara sumber diolah dan dimanfaatkan untuk menghasilkan *output*, iaitu kemenjadian murid.
- 1.3.4 Model Penaziran Kemenjadian Murid yang dirangka oleh JNJK mengambil kira hasrat yang dinyatakan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan tugas teras, tabung ilmu, pengalaman serta amalan penaziran. Berdasarkan konsep model berkenaan, setiap unsur, gerak kerja serta penggembleran sumber di institusi pendidikan memberi sumbangan ke arah kemenjadian murid. Faktor penyumbang kepada proses pembelajaran yang menentukan corak kemenjadian murid ialah:
  - kepimpinan dan pengurusan institusi pendidikan;
  - profesionalisme keguruan;
  - pengurusan kurikulum dan kokurikulum;
  - prasarana dan sumber pendidikan;
  - pembangunan sahsiah dan kebajikan;
  - partisipasi komuniti dalam pendidikan; dan
  - pembelajaran dan pengajaran serta penilaian.

1.3.5 Berdasarkan Model Sekolah Berkesan dan Model Penaziran Kemenjadian Murid serta teori dan model lain yang berkaitan, maka JNJK menghasilkan SKPM 2010 yang terdiri daripada lima standard, iaitu:

Standard 1: Kepimpinan dan Hala Tuju

Standard 2: Pengurusan Organisasi

Standard 3: Pengurusan Kurikulum, Kokurikulum dan Sukan, dan Hal Ehwal Murid

Standard 4: Pembelajaran dan Pengajaran

Standard 5: Kemenjadian Murid

1.3.6 Kelima-lima standard tersebut digunakan untuk mengukur tahap kecemerlangan sekolah. Setiap standard terdiri daripada satu senarai aspek. Setiap aspek terdiri daripada kriteria kritikal. Bagi setiap kriteria kritikal pula, disediakan deskripsi skor. Deskripsi skor mengandungi indikator kualiti yang menjadi panduan dalam penentuan skor.

#### **1.4 Organisasi Dokumen SKPM 2010**

1.4.1 Dokumen SKPM 2010 ini mengandungi lima bab seperti yang berikut:

Bab 1: Pengenalan

Bab 2: Panduan Penggunaan SKPM 2010

Bab 3: Pernyataan Standard

Bab 4: Instrumen SKPM 2010

Bab 5: Deskripsi Skor

1.4.2 SKPM 2010 terdiri daripada lima standard dan 93 aspek serta wajaran yang ditetapkan seperti yang berikut:



**Jadual 1: SKPM 2010 - Bilangan Aspek dan Wajaran Mengikut Standard**

<b>Standard</b>	<b>Bilangan Aspek</b>	<b>Jumlah Aspek</b>	<b>Wajaran (%)</b>
Standard 1: Kepimpinan dan Hala Tuju	8	8	10
Standard 2: Pengurusan Organisasi	8	8	15
Standard 3: Pengurusan Kurikulum, Kokurikulum dan Sukan, dan Hal Ehwal Murid			
• Pengurusan Kurikulum	5	15	20
• Pengurusan Kokurikulum dan Sukan	6		
• Pengurusan Hal Ehwal Murid	4		
Standard 4: Pembelajaran dan Pengajaran	12	12	20
Standard 5: Kemenjadian Murid			
• Kemenjadian Murid Prasekolah	6	50	35
• Kemenjadian Murid Berkeperluan Khas	1		
• Kemenjadian Akademik Murid Sekolah Rendah	6		
• Kemenjadian Akademik Murid Sekolah Menengah (Tingkatan 1 - 3)	6		
• Kemenjadian Akademik Murid Sekolah Menengah (Tingkatan 4 - 5)	6		
• Kemenjadian Akademik Murid Sekolah Menengah (Tingkatan 6)	8		
• Kemenjadian Murid dalam Kokurikulum dan Sukan	12		
• Kemenjadian Sahsiah Murid	5		
<b>JUMLAH</b>	<b>93</b>	<b>93</b>	<b>100</b>

**BAB 2**  
**PANDUAN PENGGUNAAN**  
**SKPM 2010**

## BAB 2: PANDUAN PENGGUNAAN SKPM 2010

### 2.1 Pendahuluan

- 2.1.1 Bab ini menjelaskan langkah dan cara penggunaan instrumen SKPM 2010 dalam melaksanakan penilaian sekolah. Instrumen ini digunakan oleh JNJK dalam melaksanakan penaziran dan pihak sekolah dalam Penarafan Kendiri Sekolah (PKS-SKPM). Selain itu, Bahagian KPM, Jabatan Pelajaran Negeri (JPN), dan Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) boleh menggunakan instrumen ini dalam melaksanakan pemantauan dan penyeliaan.
- 2.1.2 Bagi membolehkan penilaian dilaksanakan dengan tepat, pengguna instrumen hendaklah meneliti dan memahami keseluruhan dokumen SKPM 2010. Di samping itu, pengguna perlu berpengetahuan khususnya tentang Akta Pendidikan, Dasar Pendidikan Kebangsaan, Kurikulum Kebangsaan, sistem peperiksaan dan pentaksiran, teori pembelajaran, kaedah pengajaran, teori pengurusan pendidikan dan surat pekeliling yang berkuat kuasa.
- 2.1.3 Penilaian sekolah hendaklah dilaksanakan secara menyeluruh dan bersepadu kerana setiap standard mempunyai hubung kait antara satu sama lain dan saling melengkapi.

### 2.2 Panduan Penilaian

- 2.2.1 Dalam penilaian sekolah berdasarkan SKPM 2010, prestasi sekolah dinilai mengikut lima standard yang ditetapkan. Setiap standard mempunyai sebilangan aspek. Penilaian setiap aspek dibuat berdasarkan skala enam skor; skor 1 adalah minimum manakala skor 6 adalah maksimum. Pemerihalan skor secara umum adalah seperti dalam Jadual 2:

**Jadual 2: Pemerihalan Skor**

Skor	Taraf	Deskripsi Umum
6	Cemerlang	Kekuatan keseluruhan yang sangat jelas dan mempunyai nilai tambah, mendapat pengiktirafan dan boleh menjadi contoh kepada sekolah lain.
5	Baik	Kekuatan keseluruhan yang sangat jelas.
4	Harapan	Banyak kekuatan yang melebihi keperluan minimum.
3	Memuaskan	Banyak kekuatan yang memenuhi keperluan minimum.
2	Lemah	Sedikit kekuatan tetapi terdapat banyak kelemahan.
1	Sangat Lemah	Banyak kelemahan yang memerlukan tindakan pembetulan dengan segera.

- 2.2.2 Setiap aspek dinilai berpandukan deskripsi skor yang disediakan. Deskripsi bagi skor 1, 3 dan 5 dinyatakan dengan spesifik manakala skor 2, 4 dan 6 dinyatakan secara umum. Pengguna hendaklah meneliti deskripsi skor sebelum menentukan skor bagi setiap aspek.
- 2.2.3 Dalam deskripsi skor, terdapat frasa yang berunsur kekerapan atau kuantiti. Bagi frasa tersebut, tafsiran hendaklah dibuat berdasarkan Jadual 3.

**Jadual 3: Julat Peratus bagi Kekerapan atau Kuantiti**

Kekerapan/Kuantiti	Peratus
Keseluruhan	90 - 100
Hampir keseluruhan	80 - 89
Sebahagian besar	70 - 79
Kebanyakan	50 - 69
Sebahagian kecil	25 - 49
Sangat sedikit	0 - 24

- 2.2.4 Skor standard ditentukan berdasarkan jumlah skor semua aspek dalam standard berkenaan. Skor keseluruhan pula ditentukan dengan menjumlahkan skor semua standard mengikut wajaran yang ditetapkan. Taraf pencapaian bagi sesuatu standard dan sesebuah sekolah secara keseluruhan ditafsirkan menurut Jadual 4:

**Jadual 4: Tafsiran Pencapaian**

Peratus Pencapaian	Taraf Pencapaian
90 - 100	Cemerlang
80 - 89	Baik
60 - 79	Harapan
40 - 59	Memuaskan
20 - 39	Lemah
0 - 19	Sangat lemah

## 2.3 Panduan Pengiraan

### 2.3.1 Kaedah Mengira Skor Standard 1 hingga 4

Prestasi sekolah dalam setiap standard adalah berdasarkan skor standard. Langkah pengiraan skor standard adalah seperti yang berikut:

- berikan skor kepada setiap aspek
- jumlahkan semua skor aspek
- kirakan skor min standard (tepat kepada dua tempat perpuluhan)
- kirakan peratus skor standard dengan menggunakan formula pengiraan skor standard:

$$\frac{(x-1)}{(y-1)} \times 100\%$$

( $x$  = skor min standard;  $y$  = skor maksimum)

Contoh pengiraan Skor Standard bagi Standard 1 adalah seperti dalam Jadual 5:

**Jadual 5: Pengiraan Skor Standard 1**

No. Aspek	Aspek	Kriteria Kritikal	Skor
			Skor 1 - 6
1.1	Gaya kepimpinan	Kepimpinan sekolah mengamalkan gaya kepimpinan berkesan untuk menggembelng tenaga warga sekolah ke arah pencapaian matlamat sekolah.	4
1.2	Penetapan dan pelaksanaan hala tuju	Kepimpinan sekolah memastikan visi dan misi sekolah menjadi hala tuju seluruh warga sekolah ke arah pencapaian matlamat dan objektif yang ditetapkan.	3
1.3	Kemahiran komunikasi	Kepimpinan sekolah mengamalkan komunikasi berkesan untuk perkongsian idea dan maklumat.	4
1.4	Kemahiran merancang	Kepimpinan sekolah menerajui penyediaan perancangan strategik (pelan strategik, taktikal dan operasi) untuk mencapai matlamat dan objektif sekolah.	3
1.5	Kemahiran memotivasi dan menggerakkan warga sekolah	Kepimpinan sekolah memotivasikan warga sekolah untuk meningkatkan kualiti kerja.	6
1.6	Kemahiran membuat keputusan dan menyelesaikan masalah	Kepimpinan sekolah membuat keputusan dan menyelesaikan masalah untuk meningkatkan kualiti pengurusan sekolah.	5
1.7	Kepimpinan instruksional	Kepimpinan sekolah menerajui pelaksanaan kurikulum dan mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menggalakkan pemupukan budaya belajar.	5
1.8	Perkongsian kepimpinan	Kepimpinan sekolah mewujudkan perkongsian tanggungjawab bagi memupuk kesedaran tanggungjawab bersama dalam mengurus sekolah.	3
<b>Jumlah Skor Diperoleh</b>			<b>33</b>
<b>Skor Min</b>			<b>4.13</b>
<b>Peratus Pencapaian</b>			<b>62.60%</b>
<b>Taraf Pencapaian</b>			<b>Harapan</b>
<b>Peratus Pencapaian Menurut Wajaran (10%)</b>			<b>6.26%</b>

**Pengiraan Skor Standard 1**

$$\text{Jumlah Skor diperoleh} = 33$$

$$\text{Skor Min} = \frac{\text{Jumlah Skor}}{\text{Bilangan Aspek}} = \frac{33}{8} = 4.13$$

$$\text{Peratus Pencapaian} = \frac{(x-1)}{(y-1)} \times 100 \quad (x = \text{skor min standard}; y = \text{skor maksimum})$$

$$= \frac{(4.13 - 1)}{(6 - 1)} \times 100$$

$$= \frac{3.13}{5} \times 100 = 62.60\%$$

Peratus pencapaian menurut wajaran (10%)

$$= 62.60 \times 10\% = 6.26\%$$

**2.3.2 Kaedah Mengira Skor Aspek bagi Standard 1 hingga 4**

Bagi kebanyakan aspek, penentuan skor adalah berdasarkan skor 1 hingga 6, seperti yang dihuraikan dalam para 2.2.2. Skor min pula digunakan untuk menentukan skor bagi aspek berikut:

a. Standard 3 (empat aspek)

- Aspek 3.1.2 : Pengurusan Mata Pelajaran
- Aspek 3.2.2 : Pengurusan Kelab dan Persatuan
- Aspek 3.2.3 : Pengurusan Badan Beruniform
- Aspek 3.2.4 : Pengurusan Program Sukan untuk Semua

b. Standard 4 (12 aspek)

- Aspek 4.1 hingga 4.12 : Pembelajaran dan Pengajaran

**Pengiraan Skor Min bagi Aspek 3.1.2: Pengurusan Mata Pelajaran**

Pengiraan skor min bagi Aspek 3.1.2: Pengurusan Mata Pelajaran hendaklah mengambil kira semua panitia mata pelajaran. Cara pengiraan adalah seperti dalam Jadual 6:

**Jadual 6: Pengiraan Skor Min bagi Aspek 3.1.2**

Bil.	Panitia Mata Pelajaran	Skor
1	Bahasa Melayu	4
2	Bahasa Inggeris	5
3	Matematik	4
4	Sains	5
5	Pendidikan Jasmani dan Kesihatan	3
6	Pendidikan Islam	4
7	Pendidikan Seni Visual	3
8	Kajian Tempatan	5
9	Kemahiran Hidup Sekolah Rendah	6
10	Pendidikan Muzik	4
<b>Jumlah Skor</b>		<b>43</b>
<b>Skor Min</b>		<b>4.30</b>

$$\begin{aligned}
 \text{Skor Min Aspek} &= \frac{\text{Jumlah Skor}}{\text{Bilangan panitia mata pelajaran}} \\
 &= \frac{43}{10} \\
 &= 4.30
 \end{aligned}$$

**Pengiraan Skor Min bagi Aspek 3.2: Pengurusan Kokurikulum dan Sukan**

Dalam bidang kokurikulum dan sukan, kaedah pengiraan yang sama digunakan untuk mengira skor min bagi Aspek 3.2.2: Pengurusan Kelab dan Persatuan, Aspek 3.2.3: Pengurusan Badan Beruniform dan Aspek 3.2.4: Pengurusan Program Sukan Untuk Semua. Semua unit dalam aspek yang berkenaan hendaklah diambil kira. Contoh pengiraan adalah seperti dalam Jadual 7:



**Jadual 7: Pengiraan Skor Min bagi Aspek 3.2.3**

Bil.	Unit Badan Beruniform	Skor
1	Persatuan Bulan Sabit Merah	4
2	Pengakap	5
3	Kadet Remaja Sekolah	4
4	Kadet Polis	5
5	Kadet Bomba	3
6	Puteri Islam	6
7	Pandu Puteri	4
<b>Jumlah Skor</b>		<b>31</b>
<b>Skor Min</b>		<b>4.43</b>

$$\begin{aligned}
 \text{Skor Min Aspek} &= \frac{\text{Jumlah Skor}}{\text{Bilangan Unit}} \\
 &= \frac{31}{7} \\
 &= 4.43
 \end{aligned}$$

**Pengiraan Skor bagi Standard 4: Pembelajaran dan Pengajaran**

Penentuan skor bagi setiap aspek dalam Standard 4 adalah berdasarkan skor min hasil pencerapan P&P terhadap **semua Guru** (termasuk Guru Sandaran Tidak Terlatih yang telah mengajar lebih daripada 12 minggu) di sebuah sekolah. Contoh pengiraan skor Standard 4 bagi sekolah yang mempunyai sembilan orang guru adalah seperti dalam Jadual 8:

Jadual 8: Pengiraan Skor Min bagi Aspek 4.1 hingga 4.12

No. Aspek Nama Guru	Skor Aspek											
	4.1	4.2	4.3	4.4	4.5	4.6	4.7	4.8	4.9	4.10	4.11	4.12
Guru 1	4	3	4	5	5	4	5	3	3	4	2	4
Guru 2	2	3	5	5	4	2	3	3	3	4	4	3
Guru 3	5	6	5	4	5	6	4	4	4	5	5	4
Guru 4	4	3	4	5	5	4	3	3	3	4	4	3
Guru 5	3	3	4	2	4	3	3	3	4	2	4	3
Guru 6	2	3	2	2	1	3	2	1	1	2	2	3
Guru 7	3	3	4	4	4	4	3	4	5	5	4	4
Guru 8	4	5	5	5	6	5	5	4	5	6	6	6
Guru 9	4	3	4	5	5	4	4	3	3	4	2	3
Jumlah Skor Aspek	31	32	37	37	39	35	32	28	31	36	33	33
Skor Min Aspek	3.44	3.56	4.11	4.11	4.33	3.89	3.56	3.11	3.44	4.00	3.67	3.67
<b>Jumlah Keseluruhan Skor Min Aspek</b>	<b>44.89</b>											
<b>Skor Min Standard</b>	<b>3.74</b>											
<b>Peratus Pencapaian</b>	<b>54.80%</b>											
<b>Taraf Pencapaian</b>	<b>Memuaskan</b>											
<b>Peratus Pencapaian Menurut Wajaran (20%)</b>	<b>10.96%</b>											

### Panduan Pengiraan Skor

- i. Jumlah Skor Aspek (bagi setiap Aspek 4.1 hingga 4.12) dikira dengan menjumlahkan Skor Aspek bagi setiap guru;

Contoh bagi Aspek 4.1 : Guru 1 + Guru 2 + ..... + Guru 9

$$4 + 2 + ..... + 4 = 31$$

- ii. Skor Min Aspek (bagi setiap Aspek 4.1 hingga 4.12) dikira dengan membahagikan Jumlah Skor Aspek dengan bilangan guru yang dicerap:

Contoh Pengiraan Aspek 4.1

$$= \frac{\text{Jumlah Skor Aspek}}{\text{Bilangan Guru Dicerap}}$$

$$= \frac{31}{9}$$

$$= 3.44$$

- iii. Jumlah keseluruhan skor min aspek diperoleh dengan menjumlahkan kesemua skor min aspek;

$$= \text{Skor Min Aspek 4.1} + \text{Skor Min Aspek 4.2} + \dots + \text{Skor Min Aspek 4.12}$$

$$= 3.44 + 3.56 + \dots + 3.67$$

$$= 44.89$$

- iv. Skor min standard dikira secara membahagikan jumlah keseluruhan skor min aspek dengan bilangan Aspek:

$$\frac{\text{Jumlah Keseluruhan Skor Min Aspek}}{\text{Bilangan Aspek}}$$

$$= \frac{44.89}{12}$$

$$= 3.74$$

- v. Peratus Pencapaian dikira dengan menggunakan formula berikut:

$$\frac{\text{Skor Min Standard} - 1}{\text{Skor Maksimum} - 1} \times 100$$

$$= \frac{3.74 - 1}{6 - 1} \times 100$$

$$= \frac{2.74}{5} \times 100$$

$$= 54.80\%$$

$$\text{Peratus Pencapaian Menurut Wajaran (20\%)} = 54.80 \times 20\% = 10.96\%$$

### 2.3.3 Kaedah Mengira Skor Standard 5

Prestasi sekolah dalam standard ini adalah berdasarkan skor yang diperoleh dalam aspek yang berkaitan. Langkah pengiraan adalah seperti berikut:

- a. Kenal pasti aspek yang berkaitan bagi sekolah berkenaan.

- b. Tentukan skor bagi semua aspek yang berkaitan dalam peratus. Bagi aspek-aspek yang skor asalnya dalam skala skor 1 hingga 6 [5.3.1 (b); 5.3.2 (b); 5.3.3 (b), (e), dan (h); 5.3.4 (b), (e) dan (h), 5.4 (b), (e),(h), dan (k); dan 5.5 (a), (b), (c), (d), dan (e)], skor berkenaan perlu ditukarkan kepada bentuk peratus. Formula penukaran adalah seperti berikut:

$$\frac{(x - 1)}{(y - 1)} \times 100 : (x = \text{skor aspek}, y = \text{skor maksimum aspek})$$

- c. Tukarkan skor aspek kepada skor menurut wajaran yang ditetapkan.
- d. Jumlahkan skor menurut wajaran mengikut kumpulan aspek (contoh: sekolah rendah: 5.1, 5.2 dan 5.3.1; sekolah menengah: 5.2 dan 5.3.3)
- e. Kirakan skor menurut wajaran keseluruhan mengikut formula berikut:

$$\frac{\text{Jumlah skor menurut wajaran}}{\text{Skor maksimum kumpulan aspek}} \times \text{Skor wajaran kumpulan aspek}$$

- f. Jumlahkan skor menurut wajaran keseluruhan semua kumpulan aspek yang berkaitan bagi memperoleh skor Standard 5.

**Jadual 9 : Contoh Pengiraan Aspek 5.3.2 a,b,c**

No. Aspek	Aspek	Kriteria Kritikal	Contoh Pengiraan		
			Skor diperoleh	Darab wajaran	Skor menurut wajaran
5.3.2	KEMENJADIAN MURID SEKOLAH RENDAH (UPSR)				
a.	Pencapaian murid dalam UPSR	Peratus murid mendapat sekurang-kurangnya Gred C dalam semua mata pelajaran UPSR terkini	45%	45x4%	1.80
b.	Pencapaian murid dalam UPSR	Peratus murid mendapat Gred A dalam semua mata pelajaran UPSR terkini	4=60.00%	60.00x2%	1.20
c.	Pencapaian murid dalam UPSR	GPS dinyatakan dalam bentuk peratus dalam UPSR terkini	75%	75x4%	3.00
<b>Jumlah skor diperoleh</b>					<b>6.00</b>
<b>Skor penuh</b>					<b>10</b>
<b>Peratus</b>					<b>60.00%</b>
<b>Skor menurut wajaran (10%)</b>					<b>6.00%</b>

## 2.4 Pengiraan Gred Purata Sekolah (GPS) dan Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) serta Penukarannya kepada Bentuk Peratus

Bagi aspek yang menggunakan GPS dan PNGK, nilainya hendaklah dinyatakan dalam bentuk peratus. Semua pengiraan hendaklah dinyatakan tepat kepada dua tempat perpuluhan.

### 2.4.1 Pengiraan GPS dan Penukaran GPS kepada Bentuk Peratus bagi Penilaian Kendalian Sekolah Rendah (PKSR) dan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Kendalian Sekolah Menengah (PKSM) (Tingkatan Peralihan hingga Tingkatan 3), dan Penilaian Menengah Rendah (PMR)

#### a. Pengiraan GPS bagi PKSR, UPSR, PKSM dan PMR:

Setiap gred diberi Nilai Gred Mata Pelajaran (NGMP). NGMP bagi PKSR, UPSR, PKSM (Peralihan hingga Tingkatan 3), dan PMR adalah seperti dalam Jadual 10.

**Jadual 10: NGMP PKSR, UPSR, PKSM  
(Tingkatan Peralihan hingga Tingkatan 3), dan PMR**

Gred	NGMP
A	1
B	2
C	3
D	4
E	5

## Contoh Pengiraan GPS

### Langkah 1

Kirakan GPMP bagi setiap mata pelajaran.

Berikut adalah contoh pengiraan GPMP bagi mata pelajaran Bahasa Melayu (Penulisan) PKSR Tahun 6 (Jadual 11). Dalam contoh ini, bilangan murid Tahun 6 adalah seramai 80 orang.

**Jadual 11: Contoh GPMP Bahasa Melayu (Penulisan) Tahun 6 PKSR**

Gred	NGMP ( <i>x</i> )	Bil. Murid ( <i>y</i> )	Bil. Murid x NGMP ( <i>xy</i> )	GPMP
A	1	20	20	$= \frac{\text{Jumlah } xy}{\text{Jumlah Murid Tahun 6}}$
B	2	26	52	
C	3	18	54	
D	4	12	48	
E	5	4	20	
Jumlah		80	194	= 2.43

GPMP bagi mata pelajaran lain dalam PKSR Tahun 6 dikira dengan cara yang sama seperti di atas.

### Langkah 2

Kirakan GPMP bagi semua mata pelajaran untuk mendapat Gred Purata Tahun (GPT).

Berikut adalah contoh pengiraan GPT:

**Jadual 12: Contoh GPT Tahun 6 dalam PKSR**

Bil.	Mata Pelajaran	Bil. Murid	Bilangan Murid Mengikut Gred					GPMP
			A	B	C	D	E	
1.	Bahasa Melayu (Penulisan)	80	20	26	18	12	4	2.43
2.	Bahasa Melayu (Pemahaman)	80	30	10	24	14	2	2.35
3.	Bahasa Inggeris	80	8	28	19	4	21	3.03
4.	Bahasa Cina (SJJC)	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB
5.	Bahasa Tamil (SJKT)	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB
6.	Matematik	80	42	13	17	2	6	1.96
7.	Sains	80	15	35	20	7	3	2.35
8.	Kajian Tempatan	80	10	27	9	21	13	3.00
9.	Pendidikan Islam	60	20	15	23	2	0	2.11
10.	Pendidikan Moral	20	12	7	1	0	0	1.45
11.	Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan	80	35	24	21	0	0	1.83
12.	Kemahiran Hidup SR	80	12	42	26	3	0	2.18
13.	Pendidikan Seni Visual	80	15	35	30	0	0	2.19
14.	Pendidikan Muzik	80	15	39	26	0	0	2.14
15.	Bahasa Cina SK	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB
16.	Bahasa Tamil SK	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB
17.	Bahasa Arab	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB
<b>Jumlah</b>							<b>27.03</b>	
<b>GPT Tahun 6 = <math>\frac{\text{Jumlah GPMP Tahun 6}}{\text{Jumlah Mata Pelajaran Tahun 6}}</math></b>							<b>= <math>\frac{27.03}{12}</math></b> <b>= 2.25</b>	

### Langkah 3

Kirakan GPT untuk semua tahun bagi mendapat GPS.

Berikut adalah contoh pengiraan GPS

**Jadual 13 : Contoh GPS dalam PKSR**

Tahun	GPT
6	2.25
5	2.24
4	2.62
3	1.85
2	1.74
1	1.46
Jumlah	12.16
GPS dalam PKSR	$= \frac{\text{Jumlah Gred Purata Tahun}}{\text{Jumlah Tahun}}$ $= \frac{12.16}{6}$ $= 2.03$

**b. Penukaran GPS kepada Bentuk Peratus bagi PKSR, UPSR, PKSM (Tingkatan Peralihan hingga Tingkatan 3), dan PMR**

**i. GPS bagi PKSR dan UPSR dalam Bentuk Peratus**

Nilai GPS dalam PKSR dan UPSR adalah dari 1 hingga 5.

$$\frac{(\text{GPS Maksimum}) - (\text{GPS Diperoleh})}{(\text{GPS Maksimum} - 1)} \times 100$$

$$= \frac{(5 - x)}{(5 - 1)} \times 100 \quad (x = \text{GPS diperoleh})$$

**Contoh:**

GPS diperoleh ialah 2.03.

$$= \frac{5 - 2.03}{5 - 1} \times 100$$

$$= \frac{2.97}{4} \times 100$$

$$= 74.25\%$$



ii. **GPS bagi PKSM (Tingkatan Peralihan hingga Tingkatan 3) dan PMR dalam Bentuk Peratus**

Nilai GPS dalam PKSM dan PMR adalah dari 1 hingga 5.

$$\frac{(\text{GPS Maksimum} - \text{GPS Diperoleh}) \times 100}{(\text{GPS Maksimum} - 1)}$$

$$= \frac{(5 - x) \times 100}{(5 - 1)} \quad (x = \text{GPS diperoleh})$$

**Contoh:**

GPS diperoleh ialah 2.31.

$$\frac{5 - 2.31}{5 - 1} \times 100$$

$$= \frac{2.69}{4} \times 100$$

$$= 67.25\%$$

2.2 **Pengiraan GPS dan Penukaran GPS kepada Bentuk Peratus bagi PKSM (Tingkatan 4 hingga 5) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)**

a. **Pengiraan GPS bagi PKSM (Tingkatan 4 hingga 5) dan SPM**

NGMP bagi PKSM (Tingkatan 4 dan 5) dan SPM adalah seperti dalam Jadual 14:

**Jadual 14: NGMP PKSM (Tingkatan 4 dan 5) dan SPM**

Gred	NGMP
A+	0
A	1
A-	2
B+	3
B	4
C+	5
C	6
D	7
E	8
G	9

**Contoh Pengiraan GPS****Langkah 1**

Kirakan GPMP bagi setiap mata pelajaran.

Berikut adalah contoh pengiraan GPMP bagi mata pelajaran Bahasa Melayu dalam PKSM Tingkatan 4 yang mempunyai 217 orang murid.

**Jadual 15 : Contoh GPMP Bahasa Melayu PKSM Tingkatan 4**

Gred	NGMP ( <i>x</i> )	Bil. Murid ( <i>y</i> )	Bil. Murid x NGMP ( <i>xy</i> )	GPMP
A+	0	5	0	$= \frac{\text{Jumlah } xy}{\text{Jumlah Murid}}$ $= \frac{1077}{217}$ $= 4.96$
A	1	5	5	
A-	2	22	44	
B+	3	41	123	
B	4	25	100	
C+	5	27	135	
C	6	23	138	
D	7	36	252	
E	8	17	136	
G	9	16	144	
<b>Jumlah</b>		<b>217</b>	<b>1077</b>	

GPMP bagi mata pelajaran lain dalam PKSM dikira dengan cara yang sama seperti di atas.

**Langkah 2**

Kirakan GPMP untuk semua mata pelajaran bagi mendapat GPT.

Berikut adalah contoh rumusan pengiraan GPT.

**Jadual 16 : Contoh GPT Tingkatan 4 dalam PKSM**

Bil.	Mata Pelajaran PKSM Tingkatan 4	Bil Murid	Bilangan Murid Mengikut Gred										GPMP
			A+	A	A-	B+	B-	C+	C-	D	E	G	
1.	Bahasa Melayu	217	5	5	22	41	25	27	23	36	17	16	4.96
2.	Bahasa Inggeris	217	4	4	8	16	30	32	44	35	42	2	5.58
3.	Sains	144	3	3	15	8	18	19	22	31	22	3	5.39
4.	Matematik	217	10	10	9	7	14	7	19	27	54	60	6.52
5.	Ekonomi Asas	142	2	3	6	3	9	6	24	30	56	3	6.47
6.	Mat. Tambahan	127	4	4	8	14	10	14	21	19	22	11	5.56
7.	Biologi	71	4	5	7	10	16	9	14	3	1	2	4.07
8.	Fizik	73	2	3	8	13	11	14	12	1	0	9	4.55
9.	Kimia	73	4	4	9	4	9	8	22	7	1	5	4.71
		<b>Jumlah</b>											<b>47.81</b>
		<b>GPT Tingkatan 4 = <math>\frac{\text{Jumlah GPMP Tingkatan 4}}{\text{Jumlah Mata Pelajaran Tingkatan 4}}</math></b>											<b>= <math>\frac{47.81}{9}</math></b> <b>= 5.31</b>

**Langkah 3**

Kirakan GPT untuk semua tingkatan bagi mengira GPS.

Berikut adalah contoh pengiraan GPS:

**Jadual 17 : Contoh GPS dalam PKSM Tingkatan 4 dan 5**

Tingkatan	GPT
4	5.31
5	4.82
Jumlah	10.13
GPS dalam PKSM Tingkatan 4 dan Tingkatan 5	= $\frac{10.13}{2}$ = 5.07

**b. Penukaran GPS kepada Bentuk Peratus bagi PKSM (Tingkatan 4 hingga 5), dan SPM:**

Nilai GPS dalam PKSM dan SPM adalah dari 0 hingga 9.

$$\frac{(\text{GPS Maksimum} - \text{GPS Diperoleh})}{\text{GPS Maksimum}} \times 100$$

$$= \frac{(9 - x)}{9} \times 100 \quad (x = \text{GPS diperoleh})$$

**Contoh:**

GPS diperoleh ialah 5.07

$$\frac{9 - 5.07}{9} \times 100$$

$$= \frac{3.93}{9} \times 100$$

$$= 43.67\%$$

### 2.4.3 Pengiraan PNGK dan Penukaran PNGK kepada Bentuk Peratus bagi PKSM (Tingkatan 6) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)

#### a. Pengiraan PNGK bagi PKSM (Tingkatan 6) dan STPM

NGMP bagi PKSM Tingkatan 6 dan STPM adalah seperti dalam Jadual 18.

**Jadual 18: NGMP PKSM Tingkatan 6 dan STPM**

Gred	NGMP
A	4.00
A -	3.67
B +	3.33
B	3.00
B -	2.67
C +	2.33
C	2.00
C -	1.67
D +	1.33
D	1.00
F	0.00

#### Contoh Pengiraan PNGK

##### Langkah 1

Kirakan GPMP bagi setiap mata pelajaran.

Berikut adalah contoh pengiraan GPMP bagi mata pelajaran Bahasa Melayu PKSM Tingkatan 6 Atas. Dalam contoh ini, bilangan murid dalam Tingkatan 6 Atas adalah seramai 97 orang.

**Jadual 19: Contoh GPMP Bahasa Melayu PKSM Tingkatan 6 Atas**

Gred	NGMP ( <i>x</i> )	Bil. Murid ( <i>y</i> )	Bil. Murid x NGMP ( <i>xy</i> )	GPMP
A	4.00	7	28.00	$\frac{\text{Jumlah } xy}{\text{Jumlah Murid}}$ $= \frac{224.06}{97}$ $= 2.31$
A -	3.67	6	22.02	
B +	3.33	4	13.32	
B	3.00	6	18.00	
B -	2.67	8	21.36	
C +	2.33	13	30.29	
C	2.00	21	42.00	
C -	1.67	25	41.75	
D +	1.33	4	5.32	
D	1.00	2	2.00	
F	0.00	1	0.00	
<b>Jumlah</b>		<b>97</b>	<b>224.06</b>	

GPMP bagi mata pelajaran lain dalam PKSM dikira dengan cara yang sama seperti di atas.

### Langkah 2

Kirakan GPMP bagi semua mata pelajaran untuk mendapat GPT.

Berikut adalah contoh pengiraan GPT.

**Jadual 20: Contoh GPT Tingkatan 6 Atas dalam PKSM**

Bil.	Mata Pelajaran	Bil Murid	Bilangan Murid Mengikut Gred											GPMP
			A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F	
1.	Bahasa Melayu	97	7	6	4	6	8	13	21	25	4	2	1	2.31
2	Pengajian Am	143	2	1	5	21	14	18	46	10	12	9	5	2.13
3	Ekonomi	51	1	2	4	13	6	5	8	3	5	1	3	2.35
4	Sejarah	143	11	20	31	35	13	18	7	2	3	2	1	2.98
Jumlah													9.77	
GPT Tingkatan 6 Atas =													$= \frac{9.77}{4}$ $= 2.44$	

**Langkah 3**

Kirakan GPT untuk semua tingkatan bagi mendapat PNGK.

Berikut adalah contoh pengiraan PNGK.

**Jadual 21: Contoh PNGK Tingkatan 6**

Tingkatan	GPT
6 Atas	2.44
6 Bawah	2.58
Jumlah	5.02
PNGK dalam PKSM Tingkatan 6	= $\frac{5.02}{2}$
	= 2.51

**b. Penukaran PNGK kepada Bentuk Peratus bagi PKSM (Tingkatan 6) dan STPM:**

Nilai PNGK dalam PKSM dan STPM adalah dari 4 hingga 0.

$$\frac{\text{PNGK Diperoleh}}{\text{PNGK Maksimum}} \times 100$$

$$= \frac{x}{4} \times 100 \quad (x = \text{PNGK diperoleh})$$

**Contoh:**

PNGK diperoleh ialah 2.51.

$$\frac{2.51}{4} \times 100$$

$$= 62.75\%$$

#### 2.4.4 Pengiraan GPS dan Penukaran GPS kepada Bentuk Peratus bagi Bidang Kokurikulum dan Sukan

##### a. Penentuan Gred Pencapaian Murid dalam Bidang Kokurikulum dan Sukan

Penentuan gred pencapaian kokurikulum dan sukan bagi setiap murid (kecuali murid prasekolah, tahun 1 dan tahun 2) dibuat berdasarkan kehadiran, penglibatan, pencapaian dan jawatan yang disandang dalam bidang tersebut.

##### b. Pengiraan GPS bagi Bidang Kokurikulum dan Sukan

Nilai gred bagi pencapaian setiap bidang dan pencapaian keseluruhan aktiviti kokurikulum adalah seperti dalam Jadual 22:

**Jadual 22: Nilai Gred Bidang Kokurikulum dan Sukan**

Gred	Markah	Nilai Gred
A	80% - 100%	1
B	60% - 79%	2
C	40% - 59%	3
D	20% - 39%	4
E	11% ke bawah	5

#### Contoh Pengiraan GPS

##### Langkah 1

Kirakan markah purata setiap murid dalam kokurikulum dan sukan seperti yang diperincikan dalam Buku Panduan Penilaian Aktiviti Kokurikulum / Buku Panduan Pengurusan Kokurikulum KPM.



Berikut adalah contoh pengiraan gred pencapaian seorang murid dalam bidang kokurikulum dan sukan.

**Jadual 23: Contoh Gred Pencapaian Seorang Murid dalam Bidang Kokurikulum dan Sukan**

Nama: _____ No. Kad Pengenalan: _____				
Tingkatan: _____ Jantina: _____				
Aspek Dinilai	Agihan Markah	Badan Beruniform	Kelab & Persatuan	Sukan & Permainan
Kehadiran	50	50	45	50
Penglibatan	20	15	15	13
Pencapaian	20	10	5	15
Jawatan Disandang	10	3	5	10
Jumlah Markah	100	78	70	88
Gred		B	B	A

Markah purata murid dalam kokurikulum dan sukan dikira dengan menggunakan formula berikut:

$$\frac{(a + b)}{2} \quad : \quad (a \text{ dan } b = \text{markah dua bidang kokurikulum yang terbaik})$$

$$\frac{78 + 88}{2}$$

$$= 83$$

Kirakan markah pencapaian keseluruhan murid dalam kokurikulum dan sukan dengan menjumlahkan markah purata dengan markah bonus (jika ada). Markah bonus diberikan bagi jawatan bukan kokurikulum yang dipegang oleh seseorang murid.

**Contoh:**

Jawatan bidang bukan kokurikulum : Ketua Murid

Markah Bonus : 10 markah

Markah Purata + Markah Bonus

$$83 + 10 = 90$$

Gred Pencapaian Keseluruhan : A

**Catatan:**

Panduan memberi markah adalah seperti yang diperincikan dalam Buku Panduan Penilaian Aktiviti Kokurikulum / Buku Panduan Pengurusan Kokurikulum, KPM.

**Langkah 2**

Kirakan GPS bagi setiap bidang kokurikulum dan sukan.

Berikut adalah contoh pengiraan GPS bagi Kelab dan Persatuan. Dalam contoh ini bilangan murid adalah seramai 2000 orang.

**Jadual 24: Contoh Pengiraan GPS bagi Kelab dan Persatuan**

Gred	Nilai Gred ( <i>x</i> )	Bil. Murid ( <i>y</i> )	Bil. Murid x Nilai Gred ( <i>xy</i> )	Gred Purata Sekolah bagi Kelab dan Persatuan
A	1	150	150	$\frac{\text{Jumlah } xy}{\text{Jumlah Murid}}$ $= \frac{5450}{2000}$ $= 2.73$
B	2	600	1200	
C	3	950	2850	
D	4	250	1000	
E	5	50	250	
<b>Jumlah</b>		<b>2000</b>	<b>5450</b>	

GPS bagi badan beruniform dan sukan dikira dengan cara yang sama seperti di atas.

### Langkah 3

Kirakan GPS bagi gred keseluruhan Kokurikulum dan Sukan.

Berikut adalah contoh pengiraan GPS bagi Gred Keseluruhan Kokurikulum dan Sukan. Dalam contoh ini, bilangan murid adalah seramai 2000 orang.

**Jadual 25: Pengiraan GPS Bagi Gred Keseluruhan Bidang Kokurikulum dan Sukan**

Gred	Nilai Gred ( <i>x</i> )	Bil. Murid ( <i>y</i> )	Bil. Murid x Nilai Gred ( <i>xy</i> )	GPS Bidang Kokurikulum dan Sukan
A	1	120	120	$\frac{\text{Jumlah } xy}{\text{Jumlah Murid}}$ $= \frac{5220}{2000}$ $= 2.61$
B	2	900	1800	
C	3	700	2100	
D	4	200	800	
E	5	80	400	
<b>Jumlah</b>		<b>2000</b>	<b>5220</b>	

### Pengiraan GPS

$$\frac{\text{Jumlah } xy}{\text{Jumlah Murid}}$$

$$\frac{5220}{2000}$$

$$= 2.61$$

**c. Penukaran GPS kepada bentuk peratus bagi Bidang Kokurikulum dan Sukan**

Nilai GPS dalam bidang kokurikulum ialah 1 hingga 5

$$\frac{(\text{GPS Maksimum} - \text{GPS Diperoleh})}{(\text{GPS Maksimum} - 1)} \times 100$$

$$= \frac{(5 - x)}{(5 - 1)} \times 100 \quad (x = \text{GPS diperoleh})$$

**Contoh:**

GPS diperoleh ialah 2.96.

$$\frac{5 - 2.96}{5 - 1} \times 100$$

$$= \frac{2.04}{4} \times 100$$

$$= 51.00\%$$

**2.4.5 Pengiraan Aspek 5.5: Kemenjadian Sahsiah Murid**

Bagi Aspek 5.5: Kemenjadian Sahsiah Murid, pengiraan skor aspek hendaklah mengambil kira murid seperti yang berikut:

- Aspek 5.5a – Sikap dan Perlakuan: Semua murid kecuali murid prasekolah dan murid pendidikan khas bermasalah pembelajaran.
- Aspek 5.5b hingga 5.5d – Disiplin Murid: Semua murid dalam enrolmen sekolah dan prasekolah.
- Aspek 5.5e – Kehadiran Murid: Semua murid dalam enrolmen sekolah dan prasekolah.

## 2.5 Pelaksanaan Penarafan Kendiri Sekolah

Bagi melaksanakan PKS, pihak sekolah hendaklah:

- a. menubuhkan Jawatankuasa PKS - SKPM;
- b. meneliti dan memahami kandungan SKPM 2010 secara terperinci dan menyeluruh;
- c. mengumpul segala bukti bagi setiap aspek yang dinilai melalui semakan dokumen, pemerhatian, temu bual dan soal selidik;
- d. menentukan skor bagi setiap aspek secara kolektif berpandukan deskripsi skor dalam instrumen SKPM 2010;
- e. membuat pengiraan skor bagi setiap standard dan skor keseluruhan;
- f. menyediakan rumusan PKS - SKPM dengan menyatakan kekuatan, kelemahan dan isu; dan
- g. mengisi skor PKS - SKPM ke dalam portal e-penarafan.

**BAB 3**  
**PERNYATAAN STANDARD**

A thick, dark grey L-shaped bar with a fine grid pattern, extending horizontally across the page and vertically down the right side.

## BAB 3: PERNYATAAN STANDARD

### 3.1 Pernyataan Standard

Pernyataan standard ini menghuraikan kandungan SKPM 2010 yang terdiri daripada lima standard. Huraian ini bertujuan membantu pengetua dan guru besar atau pihak yang bertanggungjawab terhadap pengurusan sekolah untuk memahami kandungan SKPM 2010 dan berusaha ke arah instalasi standard tersebut.

### 3.2 Standard 1 : Kepimpinan dan Hala Tuju

Kepimpinan sekolah berperanan sebagai pemimpin berimpak tinggi dan berupaya menggembleng dan menggerakkan warga sekolah secara bersepadu untuk memajukan sekolah dan meningkatkan kualiti pembelajaran dan pengajaran (P&P). Bagi mencapai hasrat tersebut, kepimpinan sekolah hendaklah:

- a. mengamalkan gaya kepimpinan berkesan untuk menggembleng tenaga warga sekolah ke arah pencapaian matlamat sekolah;
- b. memastikan visi dan misi sekolah menjadi hala tuju seluruh warga sekolah ke arah pencapaian matlamat dan objektif yang ditetapkan;
- c. mengamalkan komunikasi berkesan untuk perkongsian idea dan maklumat;
- d. menerajui penyediaan perancangan strategik (pelan strategik, taktikal dan operasi) untuk mencapai matlamat dan objektif sekolah;
- e. memotivasikan warga sekolah untuk meningkatkan kualiti kerja;
- f. membuat keputusan dan menyelesaikan masalah untuk meningkatkan kualiti pengurusan sekolah;
- g. menerajui pelaksanaan kurikulum dan mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menggalakkan pemupukan budaya belajar; dan
- h. mewujudkan perkongsian tanggungjawab bagi memupuk kesedaran tanggungjawab bersama dalam mengurus sekolah.

### 3.3 Standard 2 : Pengurusan Organisasi

Organisasi sekolah diurus dengan mengambil kira potensi dan keperluan staf, kemudahan sumber dalaman dan memanfaatkan sumber luaran supaya sekolah dapat berfungsi dengan cekap dan berkesan. Bagi mencapai maksud ini:

- a. sumber manusia diurus untuk meningkatkan kualiti kerja warga sekolah;
- b. kemudahan prasarana diurus untuk memastikan keselesaan dan keselamatan warga sekolah;
- c. kewangan, aset alih dan aset tidak alih kerajaan diurus untuk memastikan setiap perbelanjaan memberi pulangan yang optimum;
- d. data dan maklumat diurus supaya mudah diakses dan dimanfaatkan;
- e. sumber pendidikan dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) diurus bagi menyokong peningkatan kualiti pembelajaran dan pengajaran;
- f. persekitaran dan suasana yang kondusif diwujudkan bagi memastikan kesejahteraan warga sekolah dalam melaksanakan tanggungjawab;
- g. permuafakatan diwujudkan untuk memperoleh sumbangan dan sokongan pelbagai pihak bagi manfaat sekolah; dan
- h. asrama diurus untuk memastikan keselesaan, keselamatan dan perkembangan sahsiah murid.

### 3.4 Standard 3 : Pengurusan Kurikulum, Kokurikulum dan Sukan, dan Hal Ehwal Murid

Bidang kurikulum, kokurikulum dan sukan, dan hal ehwal murid diurus dengan cekap dan berkesan bagi memastikan sekolah berfungsi sebagai institusi pembelajaran dalam melahirkan murid yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Bagi mencapai hasrat tersebut:

- a. ketetapan dibuat bagi memastikan kepatuhan dan keselarasan pelaksanaan kurikulum, kokurikulum dan sukan, dan hal ehwal murid;
- b. mata pelajaran diurus untuk meningkatkan kualiti pembelajaran dan pengajaran;
- c. program peningkatan akademik murid diurus untuk menyokong peningkatan prestasi murid;
- d. jadual waktu disediakan bagi membolehkan pembelajaran dan pengajaran dilaksanakan dengan teratur;

- e. peperiksaan awam, pentaksiran dan penilaian berasaskan sekolah diurus untuk mengesan pencapaian dan masalah pembelajaran murid;
- f. kelab dan persatuan diurus untuk memastikan penglibatan murid secara menyeluruh dan sebagai pengukuhan terhadap pembelajaran di bilik darjah;
- g. badan beruniform diurus untuk memastikan penglibatan murid secara menyeluruh dan sebagai pengukuhan terhadap pembangunan perwatakan murid dari segi intelek, rohani, emosi, jasmani dan sosial;
- h. Program Sukan Untuk Semua diurus untuk memastikan penglibatan murid secara menyeluruh dan sebagai pengukuhan terhadap pengetahuan, kemahiran dan pembangunan sahsiah murid;
- i. Program Sukan Untuk Kecemerlangan sekolah diurus untuk mengesan dan memperkembangkan bakat serta potensi murid ke arah peningkatan pencapaian sukan sekolah;
- j. penilaian diurus untuk mengesan pencapaian murid dalam kokurikulum dan sukan;
- k. disiplin murid diurus untuk membentuk sikap dan perlakuan positif murid;
- l. perkhidmatan bimbingan dan kaunseling disediakan untuk membantu dan membimbing murid dari segi akademik, kokurikulum, sahsiah dan kerjaya murid; dan
- m. perkhidmatan kebajikan, kesihatan dan keselamatan disediakan untuk memastikan kesejahteraan murid.

### **3.5 Standard 4 : Pembelajaran dan Pengajaran**

Guru merancang dan melaksanakan proses P&P yang berkualiti tinggi dan bersungguh-sungguh untuk memperkembangkan potensi dan pencapaian murid pada tahap optimum secara berterusan. Bagi mencapai hasrat tersebut guru memastikan:

- a. penglibatan murid dalam aktiviti P&P bagi membolehkan berlakunya pembelajaran berkesan;
- b. penguasaan pembelajaran murid selaras dengan objektif yang ditetapkan;
- c. hasil kerja murid berkualiti bagi mengukuhkan pembelajaran;
- d. perancangan dan persediaan yang rapi bagi meningkatkan keberkesanan pengajaran;
- e. kaedah penyampaian yang bersesuaian bagi meningkatkan pencapaian objektif pelajaran;



- f. komunikasi yang berkesan bagi memudah dan mempercepatkan pemahaman dan menggalakkan pembelajaran murid;
- g. penggunaan sumber pendidikan yang berkesan bagi mengukuhkan pembelajaran murid;
- h. penilaian yang berterusan bagi meningkatkan keberkesanan P&P;
- i. teknik penyoalan yang berkesan meningkatkan pemahaman murid;
- j. penguasaan isi kandungan yang mendalam membolehkan pelajaran disampaikan dengan yakin, jelas dan tepat;
- k. pengurusan kelas yang cekap mewujudkan suasana yang kondusif untuk meningkatkan keberkesanan P&P; dan
- l. pematuhan etika kerja dan amalan nilai yang positif bagi mewujudkan keyakinan dan kepercayaan murid terhadap guru.

### **3.6 Standard 5 : Kemenjadian Murid**

Pendidikan di sekolah melahirkan murid yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri. Bagi mencapai hasrat ini, beberapa kriteria kemenjadian murid di tiga peringkat persekolahan digariskan:

#### **3.6.1 Pendidikan Prasekolah**

Pada akhir peringkat pendidikan prasekolah, bersesuaian dengan tahap dan potensi, murid hendaklah:

- a. berkebolehan berkomunikasi menggunakan bahasa Malaysia, bahasa Inggeris dan bahasa pengantar dalam konteks kehidupan harian;
- b. mempunyai kematangan emosi, konsep sendiri yang positif dan jati diri;
- c. mempunyai tubuh badan yang sihat, mempraktikkan amalan kesihatan yang baik, menguasai kemahiran motor halus dan asas motor kasar;
- d. meneroka persekitaran menggunakan kemahiran proses sains asas, menggunakan kemahiran matematik asas, dan berfikir secara kritis, kreatif dan inovatif; dan
- e. mengamalkan nilai murni, nilai Islam (bagi murid beragama Islam) dalam kehidupan seharian, menghargai keindahan alam dan warisan budaya.

### 3.6.2 Pendidikan Khas

Pada akhir peringkat pendidikan murid berkeperluan khas, sesuai dengan tahap dan potensi, murid hendaklah dapat memenuhi matlamat individu yang ditetapkan supaya dapat berfungsi sebagai insan yang berkemahiran, berdikari, berhaluan, boleh merancang, mengurus kehidupan sendiri, menyedari potensi sendiri dan menyesuaikan diri dalam masyarakat.

### 3.6.3 Pendidikan Sekolah Rendah

Pada akhir peringkat pendidikan sekolah rendah, bersesuaian dengan tahap dan potensi, murid hendaklah:

- a. menguasai bahasa Malaysia;
- b. menguasai bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua;
- c. menguasai bahasa Cina atau bahasa Tamil dengan betul untuk berkomunikasi di sekolah yang menggunakan bahasa pengantar bahasa Cina atau bahasa Tamil;
- d. membangunkan dan memajukan keupayaan intelektual yang merangkumi pemikiran rasional, kreatif dan kritis;
- e. menguasai kemahiran mengira dan menggunakannya dalam kehidupan seharian;
- f. menguasai kemahiran belajar dan berfikir;
- g. membangunkan dan memajukan kualiti kepimpinan dan keyakinan diri;
- h. menunjukkan kepekaan kepada alam dan manusia;
- i. menguasai kemahiran saintifik dan teknikal;
- j. memahami dan menghargai budaya;
- k. melibatkan diri dalam aktiviti rekreasi;
- l. mengetahui hal-hal berkenaan fizikal dan kesihatan diri;
- m. menguasai asas keusahawanan (*entrepreneurship*) dan produktiviti;
- n. memperoleh kemahiran membaca, menghafal dan memahami makna ayat tertentu dalam al-Quran (untuk murid beragama Islam);
- o. mengukuhkan asas aqidah (kepercayaan kepada Tuhan) dan mengamalkan nilai murni;
- p. memupuk semangat patriotisme;
- q. membangunkan bakat dan kreativiti; dan
- r. membangunkan sikap positif.

### 3.6.4 Pendidikan Sekolah Menengah

Pada akhir peringkat pendidikan sekolah menengah, bersesuaian dengan tahap dan potensi, murid hendaklah:

- a. meningkatkan kecekapan dan kefasihan berbahasa dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris;
- b. membangunkan dan meningkatkan keupayaan intelektual;
- c. memperoleh ilmu pengetahuan dan membangunkan penguasaan kemahiran;
- d. membangunkan kemahiran untuk menangani bidang ilmu dan kemajuan teknologi yang baharu;
- e. memperoleh kemahiran yang berfaedah kepada pembangunan individu dan masyarakat;
- f. membangunkan keyakinan diri;
- g. memahami dan menghargai warisan sejarah dan sosiobudaya setempat dalam negara;
- h. menyedari kepentingan penjagaan kesihatan yang baik;
- i. membangunkan kesedaran terhadap persekitaran;
- j. memperlihatkan pementapan nilai;
- k. membangunkan dan memajukan semangat patriotisme;
- l. memperlihatkan kemahiran pembangunan diri untuk masa depan;
- m. berdaya saing untuk diri sendiri dan keluarga;
- n. memperlihatkan ciri keprihatinan dan kemanusiaan terhadap diri sendiri dan orang lain;
- o. menunjukkan kesyukuran, rasa pasrah, redha terhadap ketentuan hidup (qadak dan qadar) yang diiringi dengan usaha dan ikhtiar yang berterusan;
- p. sedar dan tahu tugas dan peranannya dalam masyarakat dan agama; dan
- q. berupaya berfikir tentang diri sendiri dan hubungannya dengan:
  - keluarga
  - persekitaran
  - alam fizikal
  - kejadian alam; dan
  - pencipta

**BAB 4**  
**INSTRUMEN SKPM 2010**

## BAB 4: INSTRUMEN SKPM 2010

## INSTRUMEN

## STANDARD KUALITI PENDIDIKAN MALAYSIA 2010

1 STANDARD 1: KEPIMPINAN DAN HALA TUJU			
NO. ASPEK	ASPEK	KRITERIA KRITIKAL	Skor
1.1	Gaya kepimpinan	Kepimpinan sekolah mengamalkan gaya kepimpinan berkesan untuk menggembelng tenaga warga sekolah ke arah pencapaian matlamat sekolah.	(skor 1-6)
1.2	Penetapan dan pelaksanaan hala tuju	Kepimpinan sekolah memastikan visi dan misi sekolah menjadi hala tuju seluruh warga sekolah ke arah pencapaian matlamat dan objektif yang ditetapkan.	(skor 1-6)
1.3	Kemahiran komunikasi	Kepimpinan sekolah mengamalkan komunikasi berkesan untuk perkongsian idea dan maklumat.	(skor 1-6)
1.4	Kemahiran merancang	Kepimpinan sekolah menerajui penyediaan perancangan strategik (pelan strategik, taktikal, operasi) untuk mencapai matlamat dan objektif sekolah.	(skor 1-6)
1.5	Kemahiran memotivasi dan menggerakkan warga sekolah	Kepimpinan sekolah memotivasikan warga sekolah untuk meningkatkan kualiti kerja.	(skor 1-6)
1.6	Kemahiran membuat keputusan dan menyelesaikan masalah	Kepimpinan sekolah membuat keputusan dan menyelesaikan masalah untuk meningkatkan kualiti pengurusan sekolah.	(skor 1-6)
1.7	Kepimpinan instruksional	Kepimpinan sekolah menerajui pelaksanaan kurikulum dan mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menggalakkan pemupukan budaya belajar.	(skor 1-6)
1.8	Perkongsian kepimpinan	Kepimpinan sekolah mewujudkan perkongsian tanggungjawab bagi memupuk kesedaran tanggungjawab bersama dalam mengurus sekolah.	(skor 1-6)
<b>Jumlah Skor Diperoleh</b>			
<b>Skor Min</b>			
<b>Peratus Pencapaian</b>			
<b>Taraf Pencapaian</b>			
<b>Peratus Pencapaian Menurut Wajaran (10%)</b>			

<b>2 STANDARD 2: PENGURUSAN ORGANISASI</b>			
<b>NO. ASPEK</b>	<b>ASPEK</b>	<b>KRITERIA KRITIKAL</b>	<b>Skor</b>
2.1	Pengurusan sumber manusia	Sumber manusia diurus untuk meningkatkan kualiti kerja warga sekolah.	(skor 1-6)
2.2	Pengurusan prasarana	Kemudahan prasarana diurus untuk memastikan keselesaan dan keselamatan warga sekolah.	(skor 1-6)
2.3	Pengurusan kewangan, aset alih dan aset tidak alih kerajaan	Kewangan, aset alih dan aset tidak alih kerajaan diurus untuk memastikan setiap perbelanjaan memberi pulangan yang optimum.	(skor 1-6)
2.4	Pengurusan data dan maklumat	Data dan maklumat diurus supaya mudah diakses dan dimanfaatkan.	(skor 1-6)
2.5	Pengurusan sumber pendidikan dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi	Sumber pendidikan dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi diurus bagi menyokong peningkatan kualiti pembelajaran.	(skor 1-6)
2.6	Iklim	Persekitaran dan suasana yang kondusif diwujudkan bagi memastikan kesejahteraan warga sekolah dalam melaksanakan tanggungjawab.	(skor 1-6)
2.7	Permuafakatan strategik	Permuafakatan strategik diwujudkan untuk memperoleh sumbangan dan sokongan pelbagai pihak bagi manfaat sekolah.	(skor 1-6)
2.8	Pengurusan asrama	Asrama diurus untuk memastikan keselesaan, keselamatan dan perkembangan sahsiah murid.	(skor 1-6)
<b>Jumlah Skor Diperoleh</b>			
<b>Skor Min</b>			
<b>Peratus Pencapaian</b>			
<b>Taraf Pencapaian</b>			
<b>Peratus Pencapaian Menurut Wajaran (15%)</b>			

<b>3 STANDARD 3: PENGURUSAN KURIKULUM, KOKURIKULUM DAN SUKAN, DAN HAL EHWAL MURID</b>			
<b>3.1 PENGURUSAN KURIKULUM</b>			
<b>NO. ASPEK</b>	<b>ASPEK</b>	<b>KRITERIA KRITIKAL</b>	<b>Skor</b>
3.1.1	Ketetapan pelaksanaan kurikulum	Ketetapan dibuat bagi memastikan kepatuhan dan keselarasan pelaksanaan Kurikulum Kebangsaan.	(skor 1-6)
3.1.2	Pengurusan mata pelajaran	Mata pelajaran diurus untuk meningkatkan kualiti pembelajaran dan pengajaran.	(purata skor)
3.1.3	Pengurusan program peningkatan pencapaian murid	Program peningkatan pencapaian murid diurus untuk menyokong peningkatan prestasi murid.	(skor 1-6)
3.1.4	Jadual waktu	Jadual waktu disediakan bagi membolehkan pembelajaran dan pengajaran dilaksanakan dengan teratur.	(skor 1-6)
3.1.5	Pengurusan peperiksaan, pentaksiran dan penilaian	Peperiksaan awam, pentaksiran dan penilaian diurus untuk mengesan pencapaian dan masalah pembelajaran murid.	(skor 1-6)
<b>Jumlah Skor Diperoleh</b>			
<b>Skor Min</b>			
<b>Peratus Pencapaian</b>			
<b>Taraf Pencapaian</b>			
<b>Peratus Pencapaian Menurut Wajaran (10%)</b>			

<b>3.2 PENGURUSAN KOKURIKULUM DAN SUKAN</b>			
<b>NO. ASPEK</b>	<b>ASPEK</b>	<b>KRITERIA KRITIKAL</b>	<b>Skor</b>
3.2.1	Ketetapan Pelaksanaan Kokurikulum dan Sukan	Ketetapan dibuat bagi memastikan kepatuhan dan keselarasan pelaksanaan kokurikulum dan sukan.	(skor 1-6)
3.2.2	Pengurusan Kelab Dan Persatuan	Kelab dan Persatuan diurus untuk memastikan penglibatan murid secara menyeluruh dan sebagai pengukuhan terhadap pembelajaran di bilik darjah.	(purata skor)
3.2.3	Pengurusan Badan Beruniform	Badan Beruniform diurus untuk memastikan penglibatan murid secara menyeluruh dan sebagai pengukuhan terhadap pembangunan perwatakan murid dari segi intelek, rohani, emosi, jasmani dan sosial.	(purata skor)
3.2.4	Pengurusan Program Sukan Untuk Semua	Program sukan untuk semua diurus untuk memastikan penglibatan murid secara menyeluruh dan sebagai pengukuhan terhadap pengetahuan, kemahiran dan pembangunan sahsiah murid.	(purata skor)
3.2.5	Pengurusan Program Sukan Untuk Kecemerlangan	Program sukan untuk kecemerlangan diurus untuk mengesan dan memperkembangkan bakat serta potensi murid ke arah peningkatan pencapaian sukan sekolah.	(skor 1-6)
3.2.6	Pengurusan Penilaian Kegiatan Kokurikulum Dan Sukan	Penilaian kegiatan kokurikulum dan sukan diurus untuk mengesan pencapaian murid.	(skor 1-6)
<b>Jumlah Skor Diperoleh</b>			
<b>Skor Min</b>			
<b>Peratus Pencapaian</b>			
<b>Taraf Pencapaian</b>			
<b>Peratus Pencapaian Menurut Wajaran (6%)</b>			
<b>3.3 PENGURUSAN HAL EHWAL MURID</b>			
<b>NO. ASPEK</b>	<b>ASPEK</b>	<b>KRITERIA KRITIKAL</b>	<b>Skor</b>
3.3.1	Ketetapan pelaksanaan HEM	Ketetapan dibuat bagi memastikan kepatuhan dan keselarasan pelaksanaan Hal Ehwal Murid (HEM).	(skor 1-6)
3.3.2	Pengurusan disiplin	Disiplin murid diurus untuk membentuk sikap dan perlakuan positif murid.	(skor 1-6)
3.3.3	Bimbingan dan Kaunseling	Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling disediakan untuk membantu dan membimbing murid dari segi akademik, kokurikulum, sahsiah dan kerjaya murid.	(skor 1-6)
3.3.4	Kebajikan, kesihatan dan keselamatan murid	Perkhidmatan kebajikan, kesihatan dan keselamatan disediakan untuk memastikan kesejahteraan murid.	(skor 1-6)
<b>Jumlah Skor Diperoleh</b>			
<b>Skor Min</b>			
<b>Peratus Pencapaian</b>			
<b>Taraf Pencapaian</b>			
<b>Peratus Pencapaian Menurut Wajaran (4%)</b>			

4 STANDARD 4: PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN			
NO. ASPEK	ASPEK	KRITERIA KRITIKAL	Skor
4.1	Penglibatan murid	Penglibatan aktif murid membolehkan berlakunya pembelajaran berkesan.	(purata skor)
4.2	Penguasaan pembelajaran murid	Penguasaan pembelajaran murid selaras dengan objektif yang ditetapkan.	(purata skor)
4.3	Hasil kerja murid	Hasil kerja murid yang berkualiti dapat mengukuhkan pembelajaran.	(purata skor)
4.4	Perancangan dan persediaan guru	Perancangan dan persediaan yang rapi meningkatkan keberkesanan pengajaran.	(purata skor)
4.5	Kaedah penyampaian	Kaedah penyampaian yang sesuai meningkatkan pencapaian objektif pelajaran.	(purata skor)
4.6	Kemahiran komunikasi	Komunikasi berkesan memudahkan pemahaman dan menggalakkan pembelajaran murid.	(purata skor)
4.7	Penggunaan sumber pendidikan	Penggunaan sumber pendidikan yang berkesan membantu mengukuhkan pembelajaran murid.	(purata skor)
4.8	Penilaian	Penilaian yang berterusan meningkatkan keberkesanan P&P.	(purata skor)
4.9	Teknik penyoalan	Teknik penyoalan yang berkesan meningkatkan pemahaman murid.	(purata skor)
4.10	Penguasaan isi kandungan	Penguasaan isi kandungan yang mendalam membolehkan pelajaran disampaikan dengan yakin, jelas dan tepat.	(purata skor)
4.11	Pengurusan kelas (bilik darjah/ makmal/ bengkel/padang)	Pengurusan kelas yang cekap mewujudkan suasana yang kondusif untuk meningkatkan keberkesanan P&P.	(purata skor)
4.12	Amalan profesionalisme keguruan	Pematuhan etika kerja dan amalan nilai yang positif mewujudkan keyakinan dan kepercayaan murid terhadap guru.	(purata skor)
<b>Jumlah Skor Diperoleh</b>			
<b>Skor Min</b>			
<b>Peratus Pencapaian</b>			
<b>Taraf Pencapaian</b>			
<b>Peratus Pencapaian Menurut Wajaran (20%)</b>			

5 STANDARD 5 : KEMENJADIAN MURID				
5.1 KEMENJADIAN MURID PRASEKOLAH				
NO. ASPEK	ASPEK	KRITERIA KRITIKAL	Pencapaian	
			Peratus	Wajaran
a	Penguasaan Tunjang Komunikasi	Peratus murid yang menguasai Tunjang Komunikasi dalam tahun terkini.	%	0.25%
b	Penguasaan Tunjang Kerohanian, Sikap dan Nilai	Peratus murid yang menguasai Tunjang Kerohanian, Sikap dan Nilai dalam tahun terkini.	%	0.25%
c	Penguasaan Tunjang Sains dan Teknologi	Peratus murid yang menguasai kemahiran Tunjang Sains dan Teknologi dalam tahun terkini.	%	0.25%
d	Penguasaan Tunjang Kemanusiaan	Peratus murid yang menguasai kemahiran Tunjang Kemanusiaan dalam tahun terkini.	%	0.25%
e	Penguasaan Tunjang Fizikal dan Estetika	Peratus murid yang menguasai kemahiran Tunjang Fizikal dan Estetika dalam tahun terkini.	%	0.25%
f	Penguasaan Tunjang Ketrampilan Diri	Peratus murid yang menguasai kemahiran Tunjang Ketrampilan Diri dalam tahun terkini.	%	0.25%
<b>Jumlah Skor Menurut Wajaran</b>				



5.2 KEMENJADIAN MURID BERKEPERLUAN KHAS				
NO. ASPEK	ASPEK	KRITERIA KRITIKAL	Pencapaian	
			Peratus	Wajaran
5.2	Pencapaian matlamat tahunan murid berkeperluan khas	Peratus murid mencapai matlamat tahunan individu yang ditetapkan dalam tahun terkini.	%	1.5%
<b>Jumlah Skor Menurut Wajaran</b>				

5.3 KEMENJADIAN MURID DALAM AKADEMIK				
5.3.1	KEMENJADIAN MURID SEKOLAH RENDAH - PKS	KRITERIA KRITIKAL	Pencapaian	
			Peratus	Wajaran
a	Pencapaian Murid Sekolah Rendah Dalam PKS (Keseluruhan)	Peratus murid menguasai sekurang-kurangnya Gred C dalam semua mata pelajaran Penilaian Kendalian Sekolah (PKS) (Peperiksaan Akhir Tahun) terkini.	%	3%
b	Pencapaian Murid Sekolah Rendah Dalam PKS (Gred A)	Peratus murid mendapat Gred A dalam semua mata pelajaran PKS (Peperiksaan Akhir Tahun) terkini	(skor 1-6)	1%
c	Pencapaian Murid Sekolah Rendah Dalam PKS (GPS)	GPS dinyatakan dalam bentuk peratus bagi PKS (Peperiksaan Akhir Tahun) terkini.	%	3%
<b>Jumlah Skor Menurut Wajaran</b>				

5.3.2	KEMENJADIAN MURID SEKOLAH RENDAH-UPSR	KRITERIA KRITIKAL	Pencapaian	
			Peratus	Wajaran
a	Pencapaian murid dalam UPSR (Keseluruhan)	Peratus murid menguasai sekurang-kurangnya Gred C dalam semua mata pelajaran UPSR terkini.	%	4%
b	Pencapaian murid dalam UPSR (Gred A)	Peratus murid mendapat Gred A dalam semua mata pelajaran UPSR terkini.	(skor 1-6)	2%
c	Pencapaian murid dalam UPSR (GPS)	GPS dinyatakan dalam bentuk peratus dalam UPSR terkini.	%	4%
<b>Jumlah Skor Menurut Wajaran</b>				
<b>Jumlah Skor Diperoleh</b>				
<b>Jumlah Skor</b>				
<b>Peratus</b>				
<b>Jumlah Skor Menurut Wajaran (10%)</b>				

5.3.3 KEMENJADIAN MURID DALAM AKADEMIK - (PKS) SEKOLAH MENENGAH				
NO. ASPEK	ASPEK	KRITERIA KRITIKAL	Pencapaian	
			Peratus	Wajaran
a	Pencapaian Murid Sekolah Menengah (Ting.Peralihan/1 - 3) Dalam PKS (Keseluruhan)	Peratus murid menguasai sekurang-kurangnya Gred D dalam semua mata pelajaran Penilaian Kendalian Sekolah (PKS) (Peperiksaan Akhir Tahun) terkini.	%	3%
b	Pencapaian Murid Sekolah Menengah (Ting.Peralihan/1 - 3) Dalam PKS (Gred A)	Peratus murid mendapat Gred A dalam semua mata pelajaran PKS (Peperiksaan Akhir Tahun) terkini.	(skor 1-6)	1%
c	Pencapaian Murid Sekolah Menengah (Ting.Peralihan/1 - 3) Dalam PKS (GPS)	GPS dinyatakan dalam bentuk peratus bagi PKS (Peperiksaan Akhir Tahun) terkini.	%	3%
d	Pencapaian Murid Sekolah Menengah (Ting 4-5) Dalam PKS (Keseluruhan)	Peratus murid menguasai sekurang-kurangnya Gred E dalam semua mata pelajaran PKS (Peperiksaan Akhir Tahun) terkini.	%	3%
e	Pencapaian Murid Sekolah Menengah (Ting 4-5) Dalam PKS (Gred A)	Peratus murid mendapat Gred A (A+, A, A-) dalam semua mata pelajaran PKS (Peperiksaan Akhir Tahun) terkini.	(skor 1-6)	1%
f	Pencapaian Murid Sekolah Menengah (Ting 4-5) Dalam PKS (GPS)	GPS dinyatakan dalam bentuk peratus bagi PKS (Peperiksaan Akhir Tahun) terkini.	%	3%
g	Pencapaian Murid Sekolah Menengah (Ting 6) Dalam PKS (Keseluruhan)	Peratus murid menguasai sekurang-kurangnya Gred C dalam semua mata pelajaran PKS (Peperiksaan Akhir Tahun) terkini.	%	3%
h	Pencapaian Murid Sekolah Menengah (Ting 6) Dalam PKS (Gred A)	Peratus murid mendapat Gred A (A, A-) dalam semua mata pelajaran PKS (Peperiksaan Akhir Tahun) terkini.	(skor 1-6)	1%
i	Pencapaian Murid Sekolah Menengah (Ting 6) Dalam PKS (PNGK)	Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) dinyatakan dalam bentuk peratus bagi PKS (Peperiksaan Akhir Tahun) terkini.	%	3%
<b>Jumlah Skor Menurut Wajaran</b>				

5.3.4 KEMENJADIAN MURID DALAM AKADEMIK - PMR, SPM, STPM DAN STAM				
NO. ASPEK	ASPEK	KRITERIA KRITIKAL	Pencapaian	
			Peratus	Wajaran
a	Pencapaian murid sekolah menengah dalam PMR (keseluruhan)	Peratus murid menguasai sekurang-kurangnya Gred D dalam semua mata pelajaran PMR terkini.	%	4%
b	Pencapaian murid sekolah menengah dalam PMR (Gred A)	Peratus murid mendapat Gred A dalam semua mata pelajaran PMR terkini.	(skor 1-6)	2%
c	Pencapaian murid sekolah menengah dalam PMR (GPS)	GPS dinyatakan dalam bentuk peratus dalam PMR terkini.	%	4%
d	Pencapaian murid sekolah menengah dalam SPM (Keseluruhan)	Peratus murid menguasai sekurang-kurangnya Gred E dalam semua mata pelajaran SPM terkini.	%	4%
e	Pencapaian murid sekolah menengah dalam SPM (Gred A)	Peratus murid mendapat Gred A (A+, A, A-) dalam semua mata pelajaran SPM terkini.	(skor 1-6)	2%
f	Pencapaian murid sekolah menengah dalam SPM (GPS)	GPS dinyatakan dalam bentuk peratus dalam SPM terkini.	%	4%
g	Pencapaian murid sekolah menengah dalam STPM (Keseluruhan)	Peratus murid menguasai sekurang-kurangnya Gred C dalam semua mata pelajaran STPM terkini.	%	4%
h	Pencapaian murid sekolah menengah dalam STPM (Gred A)	Peratus murid mendapat Gred A (A, A-) dalam semua mata pelajaran STPM terkini.	(skor 1-6)	2%
i	Pencapaian murid sekolah menengah dalam STPM (PNGK)	PNGK dinyatakan dalam bentuk peratus dalam STPM terkini .	%	4%
j	Pencapaian murid sekolah menengah dalam STAM (Maqbul)	Peratus murid menguasai sekurang-kurangnya keputusan Maqbul (lulus) dalam STAM terkini.	%	6%
k	Pencapaian murid sekolah menengah dalam STAM (Mumtaz)	Peratus murid mendapat keputusan Mumtaz (cemerlang) dalam STAM terkini.	(skor 1-6)	4%
<b>Jumlah Skor Menurut Wajaran</b>				

5.4 KEMENJADIAN MURID DALAM KOKURIKULUM DAN SUKAN				
NO. ASPEK	ASPEK	KRITERIA KRITIKAL	Pencapaian	
			Peratus	Wajaran
a	Pencapaian murid dalam kelab dan persatuan (Keseluruhan)	Peratus murid memperoleh sekurang-kurangnya Gred C dalam tahun terkini.	%	0.5%
b	Pencapaian murid dalam kelab dan persatuan (Gred A)	Peratus murid memperoleh Gred A dalam tahun terkini.	(skor 1-6)	0.5%
c	Pencapaian murid dalam kelab dan persatuan (GPS)	GPS dinyatakan dalam bentuk peratus dalam tahun terkini.	%	0.5%
d	Pencapaian murid dalam badan beruniform (Keseluruhan)	Peratus murid memperoleh sekurang-kurangnya Gred C dalam tahun terkini.	%	0.5%
e	Pencapaian murid dalam badan beruniform (Gred A)	Peratus murid memperoleh Gred A dalam tahun terkini.	(skor 1-6)	0.5%
f	Pencapaian murid dalam badan beruniform (GPS)	GPS dinyatakan dalam bentuk peratus dalam tahun terkini.	%	0.5%
g	Pencapaian murid dalam sukan (Keseluruhan)	Peratus murid memperoleh sekurang-kurangnya Gred C dalam tahun terkini.	%	2%
h	Pencapaian murid dalam sukan (Gred A)	Peratus murid memperoleh Gred A dalam tahun terkini.	(skor 1-6)	1%
i	Pencapaian murid dalam sukan (GPS)	GPS dinyatakan dalam bentuk peratus dalam tahun terkini.	%	2%
j	Pencapaian murid Keseluruhan Kokurikulum dan Sukan (Keseluruhan)	Peratus murid memperoleh sekurang-kurangnya gred C dalam gred keseluruhan kokurikulum dan sukan dalam tahun terkini.	%	0.5%
k	Pencapaian murid Keseluruhan kokurikulum dan sukan (Gred A)	Peratus murid memperoleh gred A dalam gred keseluruhan kokurikulum dan sukan dalam tahun terkini.	(skor 1-6)	0.5%
l	Pencapaian murid Keseluruhan kokurikulum dan sukan (GPS)	GPS dinyatakan dalam bentuk peratus bagi gred keseluruhan kokurikulum dan sukan dalam tahun terkini.	%	1%
<b>Jumlah Skor Menurut Wajaran (10%)</b>				

5.5 KEMENJADIAN SAHSIAH MURID			
NO. ASPEK	ASPEK	KRITERIA KRITIKAL	Skor
a	Sikap dan perlakuan positif	Murid memperlihatkan sikap dan tingkah laku positif.	(skor 1-6)
b	Disiplin murid	Peratus murid yang terlibat dalam kes salah laku ( <b>kes ringan</b> ) tahun terkini.	(skor 1-6)
c	Disiplin murid	Peratus murid yang terlibat dalam kes salah laku ( <b>kes sederhana</b> ) tahun terkini.	(skor 1-6)
d	Disiplin murid	Peratus murid yang terlibat dalam kes salah laku ( <b>kes berat</b> ) tahun terkini.	(skor 1-6)
e	Kehadiran murid	Purata peratus kehadiran murid ke sekolah tahun terkini.	(skor 1-6)
<b>Jumlah Skor Diperoleh</b>			
<b>Skor Min</b>			
<b>Peratus Pencapaian</b>			
<b>Taraf Pencapaian</b>			
<b>Peratus Pencapaian Menurut Wajaran (5%)</b>			

## RUMUSAN SKOR

	Standard	Bilangan Aspek	Jumlah Aspek	Wajaran Skor (%)		Skor Diperoleh	
				Sekolah Rendah	Sekolah Menengah		
1	Kepimpinan dan Hala Tuju	8	8	10	10		
2	Pengurusan Organisasi	8	8	15	15		
3	Pengurusan Kurikulum, Kokurikulum dan Sukan, dan Hal Ehwal Murid		15				
	3.1 Pengurusan Kurikulum	5		10	10		
	3.2 Pengurusan Kokurikulum dan Sukan	6		6	6		
	3.3 Pengurusan Hal Ehwal Murid	4		4	4		
4	Pembelajaran dan Pengajaran	12	12	20	20		
5	Kemenjadian Murid		50				
5.1	Kemenjadian Murid Prasekolah	6		10			
5.2	Kemenjadian Murid Berkeperluan Khas	1					
5.3	Kemenjadian Murid Dalam Akademik			10			
	5.3.1 Kemenjadian Murid SR - PKS	3					
	5.3.2 Kemenjadian Murid SR - UPSR	3			10		
	5.3.3 Kemenjadian Murid SM - PKS	9					
	5.3.4 Kemenjadian Murid SM - PMR, SPM, STPM & STAM	11				10	
5.4	Kemenjadian Murid dalam Kokurikulum dan Sukan	12		10	10		
5.5	Kemenjadian Sahsia Murid	5		5	5		
<b>Jumlah</b>		93	93	100	100		

## TARAF SEKOLAH

CEMERLANG	BAIK	HARAPAN	MEMUASKAN	LEMAH	SANGAT LEMAH
90 - 100%	80 - 89%	60 - 79%	40 - 59%	20 - 39%	0 - 19%

**BAB 5**  
**DESKRIPSI SKOR**

## BAB 5: DESKRIPSI SKOR

STANDARD 1	KEPIMPINAN DAN HALA TUJU
Aspek 1.1	Gaya Kepimpinan
Kriteria Kritikal	Kepimpinan sekolah mengamalkan gaya kepimpinan berkesan untuk menggembeng tenaga warga sekolah ke arah pencapaian matlamat sekolah.
SKOR	DESKRIPSI SKOR
SKOR 6	<i>Semua kekuatan yang diuraikan dalam deskripsi skor 5 dipenuhi. Terdapat unsur inovasi dan kreativiti yang menambah nilai pada usaha-usaha meningkatkan kecemerlangan sekolah yang membawa kepada peningkatan pencapaian murid. Usaha seumpama ini sesuai ditanda aras oleh sekolah lain.</i>
SKOR 5	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengetua/Guru Besar mengamalkan gaya kepimpinan yang sesuai mengikut situasi.</li> <li>• Pengetua/Guru Besar bertindak secara proaktif, dinamik, bersungguh-sungguh dan bersedia mengambil risiko untuk melaksanakan perubahan ke arah penambahbaikan.</li> <li>• Pengetua/Guru Besar berwibawa, berintegriti dan bersikap profesional dalam melaksanakan hampir keseluruhan tindakannya.</li> <li>• Pengetua/Guru Besar berpengetahuan luas dan mempunyai pelbagai kemahiran untuk menjana idea yang bernas dan memberi bimbingan serta nasihat secara berterusan.</li> <li>• Pengetua/Guru Besar berpandangan jauh dan amalan budaya bersaing menjadi ikutan warga sekolah dalam melaksanakan tugas.</li> <li>• Pengetua/Guru Besar mendapat sokongan padu hampir keseluruhan warga sekolah.</li> </ul>
SKOR 4	<i>Semua kekuatan yang diuraikan dalam deskripsi skor 3 dipenuhi. Terdapat banyak kekuatan yang nyata tetapi belum mencapai keseluruhan deskripsi skor 5.</i>
SKOR 3	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengetua/Guru Besar mengamalkan gaya kepimpinan yang sesuai mengikut situasi.</li> <li>• Pengetua/Guru Besar melaksanakan perubahan ke arah penambahbaikan apabila diarah dan sanggup mengambil risiko dalam keadaan tertentu.</li> <li>• Pengetua/Guru Besar berintegriti dan bersikap profesional dalam melaksanakan kebanyakan tindakannya.</li> <li>• Pengetua/Guru Besar berpengetahuan dan berupaya memberi bimbingan serta nasihat dalam pengurusan rutin.</li> <li>• Pengetua/Guru Besar mendapat sokongan kebanyakan warga sekolah.</li> </ul>
SKOR 2	<i>Terdapat sedikit kekuatan tetapi masih banyak kelemahan yang nyata dan belum mencapai deskripsi skor 3.</i>
SKOR 1	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengetua/Guru Besar kurang berwibawa dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya.</li> <li>• Pengetua/Guru Besar kurang mampu melaksanakan perubahan ke arah penambahbaikan.</li> <li>• Pengetua/Guru Besar kurang berpengetahuan dan kurang berkemahiran untuk menjana idea dan memberi bimbingan serta nasihat.</li> </ul>

<b>Aspek 1.2</b>	<b>Penetapan Dan Pelaksanaan Hala Tuju</b>
<b>Kriteria Kritikal</b>	<b>Kepimpinan sekolah memastikan visi dan misi sekolah menjadi hala tuju seluruh warga sekolah ke arah pencapaian matlamat dan objektif yang ditetapkan.</b>
<b>SKOR</b>	<b>DESKRIPSI SKOR</b>
<b>SKOR 6</b>	<i>Semua kekuatan yang diuraikan dalam deskripsi skor 5 dipenuhi. Terdapat unsur inovasi dan kreativiti yang menambah nilai pada usaha-usaha meningkatkan kecemerlangan sekolah yang membawa kepada peningkatan pencapaian murid. Usaha seumpama ini sesuai ditanda aras oleh sekolah lain.</i>
<b>SKOR 5</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengetua/Guru Besar memastikan visi dan misi selaras dengan potensi murid, keperluan sekolah, dasar pendidikan dan aspirasi negara.</li> <li>• Pernyataan visi dan misi diperincikan dengan jelas dan difahami oleh hampir keseluruhan warga sekolah.</li> <li>• Visi dan misi dijadikan asas, panduan dan rujukan untuk merancang dan melaksanakan hampir keseluruhan program pemajuan sekolah.</li> <li>• Visi dan misi menjadi hala tuju dalam menggerakkan warga sekolah untuk berusaha dengan bersungguh-sungguh sebagai satu pasukan bagi mencapai matlamat sekolah.</li> <li>• Kejayaan sekolah dalam mencapai matlamat dapat dilihat mengikut tempoh masa yang ditetapkan.</li> </ul>
<b>SKOR 4</b>	<i>Semua kekuatan yang diuraikan dalam deskripsi skor 3 dipenuhi. Terdapat banyak kekuatan yang nyata tetapi belum mencapai keseluruhan deskripsi skor 5.</i>
<b>SKOR 3</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengetua/Guru Besar memastikan visi dan misi selaras dengan potensi murid, keperluan sekolah, dasar pendidikan dan aspirasi negara.</li> <li>• Visi dan misi dijadikan asas, panduan dan rujukan untuk merancang dan melaksanakan kebanyakan program pemajuan sekolah.</li> <li>• Visi dan misi menjadi hala tuju dalam menggerakkan warga sekolah untuk berusaha bagi mencapai matlamat sekolah.</li> </ul>
<b>SKOR 2</b>	<i>Terdapat sedikit kekuatan tetapi masih banyak kelemahan yang nyata dan belum mencapai deskripsi skor 3.</i>
<b>SKOR 1</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengetua/Guru Besar kurang berupaya untuk menetapkan visi dan misi yang jelas dan selaras dengan keperluan sekolah, dasar pendidikan dan aspirasi negara.</li> <li>• Visi dan misi tidak dijadikan asas dan rujukan untuk merancang dan melaksanakan program pemajuan sekolah.</li> </ul>

<b>Aspek 1.3</b>	<b>Kemahiran Komunikasi</b>
<b>Kriteria Kritikal</b>	<b>Kepimpinan sekolah mengamalkan komunikasi berkesan untuk perkongsian idea dan maklumat.</b>
<b>SKOR</b>	<b>DESKRIPSI SKOR</b>
<b>SKOR 6</b>	<i>Semua kekuatan yang diuraikan dalam deskripsi skor 5 dipenuhi. Terdapat unsur inovasi dan kreativiti yang menambah nilai pada usaha-usaha meningkatkan kecemerlangan sekolah yang membawa kepada peningkatan pencapaian murid. Usaha seumpama ini sesuai ditanda aras oleh sekolah lain.</i>
<b>SKOR 5</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengetua/Guru Besar mengamalkan komunikasi pelbagai hala yang berkesan dalam menyampaikan idea, maklumat dan arahan dengan mengambil kira keperluan semua pihak yang berkepentingan untuk kemajuan sekolah.</li> <li>• Pengetua/Guru Besar sedia mendengar dan memanfaatkan pandangan yang berbeza melalui perspektif yang positif untuk kemajuan sekolah.</li> <li>• Pengetua/Guru Besar sentiasa menyampaikan maklumat terkini kepada warga sekolah dan ibu bapa dengan cepat, tepat dan jelas.</li> <li>• Hampir keseluruhan arahan yang disampaikan adalah jelas untuk membolehkan warga sekolah melaksanakan tugas.</li> <li>• Warga sekolah tahu dan faham tentang perkembangan terkini di sekolah dan dalam pendidikan negara.</li> <li>• Tiada perselisihan faham dalam kalangan warga sekolah akibat komunikasi yang kurang berkesan antara kepimpinan dan warga sekolah.</li> </ul>
<b>SKOR 4</b>	<i>Semua kekuatan yang diuraikan dalam deskripsi skor 3 dipenuhi. Terdapat banyak kekuatan yang nyata tetapi belum mencapai keseluruhan deskripsi skor 5.</i>
<b>SKOR 3</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengetua/Guru Besar mengamalkan komunikasi pelbagai hala dalam menyampaikan idea, maklumat dan arahan untuk kemajuan sekolah.</li> <li>• Pengetua/Guru Besar sedia mendengar tetapi kurang memanfaatkan pandangan yang berbeza.</li> <li>• Pengetua/Guru Besar sentiasa menyampaikan maklumat terkini kepada warga sekolah dan ibu bapa.</li> <li>• Kebanyakan arahan yang disampaikan adalah jelas untuk membolehkan warga sekolah melaksanakan tugas.</li> <li>• Warga sekolah tahu dan faham tentang perkembangan terkini di sekolah.</li> <li>• Tiada perselisihan faham yang serius dalam kalangan warga sekolah akibat komunikasi yang kurang berkesan antara kepimpinan dan warga sekolah.</li> </ul>
<b>SKOR 2</b>	<i>Terdapat sedikit kekuatan tetapi masih banyak kelemahan yang nyata dan belum mencapai deskripsi skor 3.</i>
<b>SKOR 1</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengetua/Guru Besar mengamalkan komunikasi sehalu dan mekanisme untuk menyampaikan idea, maklumat dan arahan kurang berkesan.</li> <li>• Kebanyakan keputusan hanya dibuat oleh kepimpinan sekolah tanpa mengambil kira pandangan dan idea warga sekolah.</li> <li>• Arahan yang disampaikan kurang jelas untuk membolehkan warga sekolah melaksanakan tugas.</li> <li>• Suasana kerja kurang harmonis dan tindakan warga sekolah tidak selari dengan wawasan sekolah.</li> </ul>



<b>Aspek 1.4</b>	<b>Kemahiran Merancang</b>
<b>Kriteria Kritikal</b>	<b>Kepimpinan sekolah menerajui penyediaan perancangan strategik (pelan strategik, taktikal, operasi) untuk mencapai matlamat dan objektif sekolah.</b>
<b>SKOR</b>	<b>DESKRIPSI SKOR</b>
<b>SKOR 6</b>	<i>Semua kekuatan yang diuraikan dalam deskripsi skor 5 dipenuhi. Terdapat unsur inovasi dan kreativiti yang menambah nilai pada usaha-usaha meningkatkan kecemerlangan sekolah yang membawa kepada peningkatan pencapaian murid. Usaha seumpama ini sesuai ditanda aras oleh sekolah lain.</i>
<b>SKOR 5</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengetua/Guru Besar menerajui penyediaan perancangan strategik yang merangkumi bidang kurikulum, kokurikulum dan sukan, hal ehwal murid, kewangan, sumber manusia, kemudahan dan keperluan asas sekolah.</li> <li>• Perancangan yang disediakan berasaskan analisis SWOT (<i>Strength, Weakness, Opportunity, Threat</i>) dan memenuhi kriteria SMART (<i>Specific, Measurable, Achievable, Realistic, Time-bound</i>).</li> <li>• Sasaran yang ditetapkan berdasarkan TOV (<i>Take Off Value</i>), potensi murid, isu yang dikenal pasti dan sumber yang ada</li> <li>• Strategi yang tepat dan jelas dirangka untuk membolehkan sasaran yang ditetapkan tercapai.</li> <li>• Pemantauan dan penilaian dirancang bagi memastikan program dilaksanakan dengan berkesan.</li> </ul>
<b>SKOR 4</b>	<i>Semua kekuatan yang diuraikan dalam deskripsi skor 3 dipenuhi. Terdapat banyak kekuatan yang nyata tetapi belum mencapai keseluruhan deskripsi skor 5.</i>
<b>SKOR 3</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengetua/Guru Besar menerajui penyediaan perancangan strategik yang merangkumi bidang kurikulum, kokurikulum dan sukan, hal ehwal murid, kewangan.</li> <li>• Perancangan yang disediakan berasaskan analisis SWOT (<i>Strength, Weakness, Opportunity, Threat</i>).</li> <li>• Sasaran yang ditetapkan berdasarkan TOV (<i>Take Off Value</i>).</li> <li>• Strategi dirangka untuk membolehkan sasaran yang ditetapkan tercapai.</li> <li>• Pemantauan dan penilaian dirancang bagi memastikan program dilaksanakan.</li> </ul>
<b>SKOR 2</b>	<i>Terdapat sedikit kekuatan tetapi masih banyak kelemahan yang nyata dan belum mencapai deskripsi skor 3.</i>
<b>SKOR 1</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengetua/Guru Besar kurang berperanan dalam menyediakan perancangan strategik sekolah.</li> <li>• Perancangan yang disediakan tidak berasaskan analisis SWOT (<i>Strength, Weakness, Opportunity, Threat</i>) dan tidak memenuhi kriteria perancangan strategik.</li> <li>• Sasaran yang ditetapkan kurang jelas dan tidak tepat.</li> <li>• Strategi yang dirangka kurang realistik untuk mencapai sasaran yang ditetapkan.</li> <li>• Pemantauan dan penilaian program tidak dirancang.</li> </ul>

<b>Aspek 1.5</b>	<b>Kemahiran Memotivasi dan Menggerakkan Warga Sekolah</b>
<b>Kriteria Kritikal</b>	<b>Kepimpinan sekolah memotivasikan warga sekolah untuk meningkatkan kualiti kerja.</b>
<b>SKOR</b>	<b>DESKRIPSI SKOR</b>
<b>SKOR 6</b>	<i>Semua kekuatan yang diuraikan dalam deskripsi skor 5 dipenuhi. Terdapat unsur inovasi dan kreativiti yang menambah nilai pada usaha-usaha meningkatkan kecemerlangan sekolah yang membawa kepada peningkatan pencapaian murid. Usaha seumpama ini sesuai ditanda aras oleh sekolah lain.</i>
<b>SKOR 5</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengetua/Guru Besar sentiasa memberi galakan dan pengiktirafan, memberi peluang memajukan diri, menjaga kebajikan dan keselamatan warga sekolah.</li> <li>• Pengetua/Guru Besar sentiasa memberi pelbagai bentuk sokongan termasuk menghadiri hampir keseluruhan aktiviti sekolah.</li> <li>• Hampir keseluruhan warga sekolah mempamerkan tahap profesionalisme yang tinggi dan komited dalam melaksanakan tugas tanpa diarah dan tanpa mengira waktu.</li> <li>• Hampir keseluruhan hasil kerja warga sekolah berkualiti dan dilaksanakan melalui permuafakatan dan budaya kerja sepasukan.</li> </ul>
<b>SKOR 4</b>	<i>Semua kekuatan yang diuraikan dalam deskripsi skor 3 dipenuhi. Terdapat banyak kekuatan yang nyata tetapi belum mencapai keseluruhan deskripsi skor 5.</i>
<b>SKOR 3</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengetua/Guru Besar memberi galakan dan pengiktirafan, memberi peluang memajukan diri, menjaga kebajikan dan keselamatan warga sekolah.</li> <li>• Pengetua/Guru Besar sentiasa memberi sokongan termasuk menghadiri kebanyakan aktiviti sekolah.</li> <li>• Kebanyakan warga sekolah mempamerkan tahap profesionalisme yang tinggi dan komited dalam melaksanakan tugas.</li> <li>• Kebanyakan hasil kerja warga sekolah berkualiti dan dilaksanakan melalui permuafakatan dan budaya kerja sepasukan.</li> </ul>
<b>SKOR 2</b>	<i>Terdapat sedikit kekuatan tetapi masih banyak kelemahan yang nyata dan belum mencapai deskripsi skor 3.</i>
<b>SKOR 1</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengetua/Guru Besar kurang memberi galakan, pengiktirafan dan peluang memajukan diri. Kebajikan, kesihatan dan keselamatan warga sekolah juga kurang diberi perhatian.</li> <li>• Hampir keseluruhan warga sekolah mempamerkan tahap profesionalisme yang rendah, kurang memberi idea dan pendapat serta kurang komited dalam melaksanakan tugas.</li> </ul>

<b>Aspek 1.6</b>	<b>Kemahiran Membuat Keputusan dan Menyelesaikan Masalah</b>
<b>Kriteria Kritikal</b>	<b>Kepimpinan sekolah membuat keputusan dan menyelesaikan masalah untuk meningkatkan kualiti pengurusan sekolah.</b>
<b>SKOR</b>	<b>DESKRIPSI SKOR</b>
<b>SKOR 6</b>	<i>Semua kekuatan yang diuraikan dalam deskripsi skor 5 dipenuhi. Terdapat unsur inovasi dan kreativiti yang menambah nilai pada usaha-usaha meningkatkan kecemerlangan sekolah yang membawa kepada peningkatan pencapaian murid. Usaha seumpama ini sesuai ditanda aras oleh sekolah lain.</i>
<b>SKOR 5</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dalam proses membuat keputusan dan menyelesaikan masalah, kepimpinan sekolah berupaya mengenal pasti punca masalah dan mengambil kira semua faktor serta mematuhi peraturan dan prosedur.</li> <li>• Pengetua/Guru Besar berupaya membuat keputusan dan menyelesaikan masalah dengan adil, tegas, telus, cepat dan tepat sama ada secara individu atau kolektif mengikut keperluan.</li> <li>• Langkah kawalan, pencegahan dan tindakan awal yang berkesan diambil bagi memastikan masalah tidak berulang.</li> <li>• Hampir keseluruhan masalah dapat diselesaikan oleh kepimpinan sekolah.</li> </ul>
<b>SKOR 4</b>	<i>Semua kekuatan yang diuraikan dalam deskripsi skor 3 dipenuhi. Terdapat banyak kekuatan yang nyata tetapi belum mencapai keseluruhan deskripsi skor 5.</i>
<b>SKOR 3</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dalam proses membuat keputusan dan menyelesaikan masalah, kepimpinan sekolah mematuhi peraturan dan prosedur.</li> <li>• Pengetua/Guru Besar membuat keputusan dan menyelesaikan masalah sama ada secara individu atau kolektif mengikut keperluan.</li> <li>• Langkah kawalan, pencegahan dan tindakan awal diambil bagi memastikan masalah tidak berulang.</li> <li>• Kebanyakan masalah dapat diselesaikan oleh kepimpinan sekolah.</li> </ul>
<b>SKOR 2</b>	<i>Terdapat sedikit kekuatan tetapi masih banyak kelemahan yang nyata dan belum mencapai deskripsi skor 3.</i>
<b>SKOR 1</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dalam proses membuat keputusan dan menyelesaikan masalah, faktor tertentu sahaja diambil kira dan peraturan serta prosedur kurang dipatuhi.</li> <li>• Pengetua/Guru Besar kurang berupaya membuat keputusan dan menyelesaikan masalah.</li> <li>• Tiada langkah kawalan, pencegahan dan tindakan awal untuk memastikan masalah tidak berulang.</li> </ul>

<b>Aspek 1.7</b>	<b>Kepimpinan Instruksional</b>
<b>Kriteria Kritikal</b>	<b>Kepimpinan sekolah menerajui pelaksanaan kurikulum dan mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menggalakkan pemupukan budaya belajar.</b>
<b>SKOR</b>	<b>DESKRIPSI SKOR</b>
<b>SKOR 6</b>	<i>Semua kekuatan yang diuraikan dalam deskripsi skor 5 dipenuhi. Terdapat unsur inovasi dan kreativiti yang menambah nilai pada usaha-usaha meningkatkan kecemerlangan sekolah yang membawa kepada peningkatan pencapaian murid. Usaha seumpama ini sesuai ditanda aras oleh sekolah lain.</i>
<b>SKOR 5</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengetua/Guru Besar menentukan matlamat dan ketetapan yang jelas, tepat dan berfokus mengenai pelaksanaan kurikulum.</li> <li>• Pengetua/Guru Besar mengajar sejumlah waktu yang ditetapkan.</li> <li>• Pengetua/Guru Besar menjadi rujukan berkaitan teori pembelajaran, pedagogi dan memimpin pelaksanaan pengajaran secara berkesan di samping menyebarkan amalan terbaik P&amp;P kepada guru di peringkat sekolah.</li> <li>• Pengetua/Guru Besar mencerap P&amp;P dan memastikan P&amp;P semua guru dicerap. Maklum balas pencerapan digunakan untuk meningkatkan kualiti P&amp;P.</li> <li>• Pengetua/Guru Besar menyelia hasil kerja atau tugas dan pencapaian murid secara sistematik dan berterusan.</li> <li>• Perancangan pengajaran dan hasil kerja hampir keseluruhan guru berkaitan P&amp;P juga diselia secara tekal.</li> <li>• Pengetua/Guru Besar mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif secara menyeluruh bagi menyokong P&amp;P yang berkesan untuk meningkatkan pencapaian akademik dan sahsiah murid.</li> <li>• Budaya belajar diperlihatkan oleh hampir keseluruhan warga sekolah.</li> </ul>
<b>SKOR 4</b>	<i>Semua kekuatan yang diuraikan dalam deskripsi skor 3 dipenuhi. Terdapat banyak kekuatan yang nyata tetapi belum mencapai keseluruhan deskripsi skor 5.</i>
<b>SKOR 3</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengetua/Guru Besar menentukan matlamat dan ketetapan mengenai pelaksanaan kurikulum.</li> <li>• Pengetua/Guru Besar mengajar sejumlah waktu yang ditetapkan.</li> <li>• Pengetua/Guru Besar mencerap P&amp;P dan memastikan P&amp;P sebahagian besar guru dicerap.</li> <li>• Pengetua/Guru Besar menyelia hasil kerja atau tugas dan pencapaian murid.</li> <li>• Perancangan pengajaran dan hasil kerja kebanyakan guru berkaitan P&amp;P juga diselia.</li> <li>• Pengetua/Guru Besar mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif bagi menyokong P&amp;P.</li> <li>• Budaya belajar diperlihatkan oleh kebanyakan warga sekolah.</li> </ul>
<b>SKOR 2</b>	<i>Terdapat sedikit kekuatan tetapi masih banyak kelemahan yang nyata dan belum mencapai deskripsi skor 3.</i>
<b>SKOR 1</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengetua/Guru Besar kurang berusaha untuk menentukan matlamat dan ketetapan mengenai pelaksanaan kurikulum.</li> <li>• Pengetua/Guru Besar tidak mengajar sejumlah waktu yang ditetapkan.</li> <li>• Pengetua/Guru Besar kurang membimbing pelaksanaan pengajaran. Tidak semua P&amp;P guru dicerap.</li> <li>• Pengetua/Guru Besar kurang menyelia hasil kerja guru dan murid.</li> <li>• Pengetua/Guru Besar kurang berusaha untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif bagi menyokong P&amp;P.</li> </ul>

<b>Aspek 1.8</b>	<b>Perkongsian Kepimpinan</b>
<b>Kriteria Kritikal</b>	<b>Kepimpinan sekolah mewujudkan perkongsian tanggungjawab bagi memupuk kesedaran tanggungjawab bersama dalam mengurus sekolah.</b>
<b>SKOR</b>	<b>DESKRIPSI SKOR</b>
<b>SKOR 6</b>	<i>Semua kekuatan yang diuraikan dalam deskripsi skor 5 dipenuhi. Terdapat unsur inovasi dan kreativiti yang menambah nilai pada usaha-usaha meningkatkan kecemerlangan sekolah yang membawa kepada peningkatan pencapaian murid. Usaha seumpama ini sesuai ditanda aras oleh sekolah lain.</i>
<b>SKOR 1</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Program sukan tidak dirancang.</li> <li>• Sangat sedikit murid (bebas daripada masalah kesihatan) terlibat dalam sekurang-kurangnya satu jenis sukan.</li> <li>• Program sukan yang dilaksanakan tidak menarik.</li> <li>• Aspek keselamatan murid tidak diberi keutamaan semasa melaksanakan program.</li> <li>• Rekod aktiviti, penyertaan dan pencapaian murid tidak disediakan.</li> <li>• Prasarana dan peralatan tidak disediakan mengikut keperluan dan kesesuaian.</li> </ul>

<b>Aspek 3.2.5</b>	<b>Pengurusan Sukan Untuk Kecemerlangan</b>
<b>Kriteria Kritikal</b>	<b>Program Sukan Untuk Kecemerlangan diurus untuk mengesan dan memperkembangkan bakat serta potensi murid ke arah peningkatan pencapaian sukan sekolah.</b>
<b>SKOR</b>	<b>DESKRIPSI SKOR</b>
<b>SKOR 6</b>	<i>Semua kekuatan yang dihuraikan dalam deskripsi skor 5 dipenuhi. Terdapat unsur inovasi dan kreativiti yang menambah nilai pada usaha-usaha meningkatkan kecemerlangan sekolah yang membawa kepada peningkatan pencapaian murid. Usaha seumpama ini sesuai ditanda aras oleh sekolah lain.</i>
<b>SKOR 5</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hampir keseluruhan program kecemerlangan sukan sekolah dilaksanakan dengan mengambil kira bakat, minat dan potensi murid bagi kecemerlangan sukan, membina semangat kesukanan, berdaya saing, jati diri, ketahanan fizikal dan mental.</li> <li>• Hampir keseluruhan program kecemerlangan sukan sekolah dirancang dan dilaksanakan secara berterusan.</li> <li>• Pasukan pelapis sekolah diwujudkan, latihan dirancang dan dilaksanakan sepanjang tahun.</li> <li>• Pemantauan dan penilaian program dilaksanakan secara terancang. Hasil pemantauan dianalisis dan digunakan untuk tindakan pembetulan / penambahbaikan.</li> <li>• Aspek keselamatan murid diberi keutamaan semasa melaksanakan program.</li> <li>• Rekod aktiviti, kehadiran, penyertaan dan pencapaian murid disediakan dengan lengkap dan kemas kini.</li> </ul>
<b>SKOR 4</b>	<i>Semua kekuatan yang dihuraikan dalam deskripsi skor 3 dipenuhi. Terdapat banyak kekuatan yang nyata tetapi belum mencapai keseluruhan deskripsi skor 5.</i>
<b>SKOR 3</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kebanyakan program kecemerlangan sukan sekolah dilaksanakan dengan mengambil kira bakat, minat dan potensi murid bagi kecemerlangan sukan, membina semangat kesukanan, berdaya saing, jati diri, ketahanan fizikal dan mental.</li> <li>• Kebanyakan program kecemerlangan sukan sekolah dirancang dan dilaksanakan secara berterusan.</li> <li>• Pemantauan dan penilaian program dilaksanakan.</li> <li>• Aspek keselamatan murid diberi keutamaan semasa melaksanakan program.</li> <li>• Rekod aktiviti, kehadiran, penyertaan dan pencapaian murid disediakan.</li> </ul>
<b>SKOR 2</b>	<i>Terdapat sedikit kekuatan tetapi masih banyak kelemahan yang nyata dan belum mencapai deskripsi skor 3.</i>
<b>SKOR 1</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Program kecemerlangan sukan sekolah tidak dilaksanakan.</li> <li>• Aspek keselamatan murid tidak diberi keutamaan semasa melaksanakan program.</li> <li>• Rekod aktiviti, kehadiran, penyertaan dan pencapaian murid tidak disediakan.</li> </ul>

Aspek 3.2.6	Pengurusan Penilaian Kegiatan Kokurikulum Dan Sukan
Kriteria Kritikal	Penilaian kegiatan kokurikulum dan sukan diurus untuk mengesan pencapaian murid.
SKOR	DESKRIPSI SKOR
SKOR 6	<i>Semua kekuatan yang diuraikan dalam deskripsi skor 5 dipenuhi. Terdapat unsur inovasi dan kreativiti yang menambah nilai pada usaha-usaha meningkatkan kecemerlangan sekolah yang membawa kepada peningkatan pencapaian murid. Usaha seumpama ini sesuai ditanda aras oleh sekolah lain.</i>
SKOR 5	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penilaian aktiviti kokurikulum dan sukan dilaksanakan terhadap setiap murid berkenaan pada setiap tahun berdasarkan skema penilaian yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).</li> <li>• Markah pencapaian murid dibuat secara adil, telus dan keputusan dimaklumkan kepada pihak ibu bapa/penjaga/pihak lain yang berkepentingan.</li> <li>• Data penilaian aktiviti kokurikulum dan sukan bagi setiap murid direkod dengan lengkap, kemas kini dan disimpan dengan sistematik.</li> <li>• Keputusan penilaian dianalisis dan digunakan untuk merancang strategi peningkatan kehadiran, penglibatan dan pencapaian murid dalam kegiatan kokurikulum dan sukan.</li> </ul>
SKOR 4	<i>Semua kekuatan yang diuraikan dalam deskripsi skor 3 dipenuhi. Terdapat banyak kekuatan yang nyata tetapi belum mencapai keseluruhan deskripsi skor 5.</i>
SKOR 3	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penilaian aktiviti kokurikulum dan sukan dilaksanakan terhadap setiap murid berkenaan pada setiap tahun berdasarkan skema penilaian yang ditetapkan oleh KPM.</li> <li>• Data penilaian aktiviti kokurikulum dan sukan murid direkod dengan lengkap dan kemas kini.</li> <li>• Keputusan penilaian dianalisis.</li> </ul>
SKOR 2	<i>Terdapat sedikit kekuatan tetapi masih banyak kelemahan yang nyata dan belum mencapai deskripsi skor 3.</i>
SKOR 1	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penilaian aktiviti kokurikulum dan sukan dilaksanakan bagi murid tertentu sahaja.</li> <li>• Keputusan tidak dimaklumkan kepada ibu bapa/penjaga.</li> <li>• Data penilaian tidak diurus dengan sistematik.</li> </ul>



<b>3.3</b>	<b>PENGURUSAN HAL EHWAL MURID (HEM)</b>
<b>Aspek 3.3.1</b>	<b>Ketetapan Pelaksanaan Hal Ehwal Murid</b>
<b>Kriteria Kritikal</b>	<b>Ketetapan dibuat bagi memastikan kepatuhan dan keselarasan pelaksanaan Hal Ehwal Murid (HEM)</b>
<b>SKOR</b>	<b>DESKRIPSI SKOR</b>
<b>SKOR 6</b>	<i>Semua kekuatan yang diuraikan dalam deskripsi skor 5 dipenuhi. Terdapat unsur inovasi dan kreativiti yang menambah nilai pada usaha-usaha meningkatkan kecemerlangan sekolah yang membawa kepada peningkatan pencapaian murid. Usaha seumpama ini sesuai ditanda aras oleh sekolah lain.</i>
<b>SKOR 5</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ketetapan berkaitan pelaksanaan HEM dibuat dengan mematuhi Akta Pendidikan, Peraturan Pendidikan, Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI), Surat Siaran, dasar-dasar KPM dan mengikut keperluan sekolah</li> <li>• Ketetapan dibuat secara menyeluruh termasuk hal berkaitan bimbingan dan kaunseling, kebajikan, keselamatan, kesihatan dan disiplin murid untuk memastikan pengurusan HEM dilaksanakan secara cekap dan berkesan.</li> <li>• Hampir keseluruhan ketetapan tersebut dinyatakan secara tersurat dengan lengkap sebagai panduan pengurusan HEM.</li> </ul>
<b>SKOR 4</b>	<i>Semua kekuatan yang diuraikan dalam deskripsi skor 3 dipenuhi. Terdapat banyak kekuatan yang nyata tetapi belum mencapai keseluruhan deskripsi skor 5.</i>
<b>SKOR 3</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ketetapan berkaitan pelaksanaan HEM dibuat dengan mematuhi Akta Pendidikan, Peraturan Pendidikan, Surat Pekeliling Ikhtisas, Surat Siaran dan dasar-dasar KPM.</li> <li>• Ketetapan dibuat termasuk hal berkaitan bimbingan dan kaunseling, kebajikan, keselamatan, kesihatan dan disiplin murid.</li> <li>• Kebanyakan ketetapan tersebut dinyatakan secara tersurat sebagai panduan pengurusan HEM.</li> </ul>
<b>SKOR 2</b>	<i>Terdapat sedikit kekuatan tetapi masih banyak kelemahan yang nyata dan belum mencapai deskripsi skor 3.</i>
<b>SKOR 1</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ketetapan berkaitan pelaksanaan HEM yang dibuat tidak lengkap dan tidak mengikut keperluan sekolah.</li> <li>• Sangat sedikit ketetapan yang dibuat dinyatakan secara tersurat.</li> </ul>

<b>Aspek 3.3.2</b>	<b>Pengurusan Disiplin</b>
<b>Kriteria Kritikal</b>	<b>Disiplin murid diurus untuk membentuk sikap dan perlakuan positif murid.</b>
<b>SKOR</b>	<b>DESKRIPSI SKOR</b>
<b>SKOR 6</b>	<i>Semua kekuatan yang dihuraikan dalam deskripsi skor 5 dipenuhi. Terdapat unsur inovasi dan kreativiti yang menambah nilai pada usaha-usaha meningkatkan kecemerlangan sekolah yang membawa kepada peningkatan pencapaian murid. Usaha seumpama ini sesuai ditanda aras oleh sekolah lain.</i>
<b>SKOR 5</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peraturan sekolah dikuatkuasakan sepenuhnya. Tanda-tanda awal masalah disiplin dikenal pasti untuk tindakan pencegahan.</li> <li>• Kemajuan disiplin murid dipantau secara terancang dan tindakan diambil dengan segera untuk memastikan isu/masalah tersebut tidak berulang dan tidak merebak.</li> <li>• Data dan maklumat kes disiplin lengkap, kemas kini, dianalisis dan digunakan untuk tindakan pembetulan dan pemulihan.</li> <li>• Program yang dirancang dan dilaksanakan menjurus ke arah pembangunan sahsiah murid dan penyelesaian masalah yang dikenal pasti.</li> <li>• Komuniti dilibatkan dalam meningkatkan sahsiah murid.</li> <li>• Disiplin sendiri dan amalan mematuhi peraturan sekolah berjaya dibentuk dalam kalangan hampir keseluruhan murid.</li> </ul>
<b>SKOR 4</b>	<i>Semua kekuatan yang dihuraikan dalam deskripsi skor 3 dipenuhi. Terdapat banyak kekuatan yang nyata tetapi belum mencapai keseluruhan deskripsi skor 5.</i>
<b>SKOR 3</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peraturan sekolah dikuatkuasakan sepenuhnya.</li> <li>• Kemajuan disiplin murid dipantau dan tindakan diambil untuk memastikan isu/masalah tersebut tidak berulang.</li> <li>• Data dan maklumat kes disiplin lengkap, kemas kini dan digunakan untuk tindakan pembetulan</li> <li>• Program yang dirancang dan dilaksanakan menjurus ke arah pembangunan sahsiah murid dan mengatasi masalah yang dikenal pasti.</li> <li>• Disiplin sendiri dan amalan mematuhi peraturan sekolah berjaya dibentuk dalam kalangan kebanyakan murid.</li> </ul>
<b>SKOR 2</b>	<i>Terdapat sedikit kekuatan tetapi masih banyak kelemahan yang nyata dan belum mencapai deskripsi skor 3.</i>
<b>SKOR 1</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peraturan sekolah tidak dikuatkuasakan sepenuhnya.</li> <li>• Data dan maklumat tentang kes disiplin tidak lengkap</li> <li>• Tiada program yang menjurus ke arah pembangunan sahsiah murid.</li> <li>• Kemajuan disiplin murid tidak dipantau.</li> </ul>

Aspek 3.3.3	Bimbingan Dan Kaunseling
Kriteria Kritikal	Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling (B&K) disediakan untuk membantu dan membimbing murid dari segi akademik, kokurikulum, sahsiah dan kerjaya.
SKOR	DESKRIPSI SKOR
SKOR 6	<i>Semua kekuatan yang dihuraikan dalam deskripsi skor 5 dipenuhi. Terdapat unsur inovasi dan kreativiti yang menambah nilai pada usaha-usaha meningkatkan kecemerlangan sekolah yang membawa kepada peningkatan pencapaian murid. Usaha seumpama ini sesuai ditanda aras oleh sekolah lain.</i>
SKOR 5	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Program pemulihan, pencegahan dan pembangunan murid dirancang dan dilaksanakan berdasarkan isu dan masalah yang dihadapi oleh murid.</li> <li>• Kerjasama dengan semua warga sekolah (pentadbir, guru dan murid) dan ibu bapa diwujudkan untuk mengenal pasti masalah di peringkat awal dan mencegahnya daripada berlaku agar murid tidak terlibat dalam kegiatan yang tidak sihat.</li> <li>• Hampir keseluruhan murid yang memerlukan perkhidmatan B &amp; K mendapatkannya secara sukarela.</li> </ul>
SKOR 4	<i>Semua kekuatan yang dihuraikan dalam deskripsi skor 3 dipenuhi. Terdapat banyak kekuatan yang nyata tetapi belum mencapai keseluruhan deskripsi skor 5.</i>
SKOR 3	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Program pemulihan, pencegahan dan pembangunan murid dirancang dan dilaksanakan.</li> <li>• Kerjasama dengan semua warga sekolah (pentadbir, guru dan murid) dan ibu bapa diwujudkan untuk menyelesaikan masalah</li> <li>• Murid mendapatkan perkhidmatan B &amp; K apabila diarahkan.</li> </ul>
SKOR 2	<i>Terdapat sedikit kekuatan tetapi masih banyak kelemahan yang nyata dan belum mencapai deskripsi skor 3.</i>
SKOR 1	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Program pemulihan, pencegahan dan pembangunan tidak dirancang.</li> <li>• Kerjasama dengan semua pihak sekolah (pentadbir, guru dan murid) dan ibu bapa untuk menyelesaikan masalah tidak diwujudkan.</li> </ul>

<b>Aspek 3.3.4</b>	<b>Kebajikan, Kesihatan Dan Keselamatan Murid</b>
<b>Kriteria Kritikal</b>	<b>Perkhidmatan kebajikan, kesihatan dan keselamatan disediakan untuk memastikan kesejahteraan murid.</b>
<b>SKOR</b>	<b>DESKRIPSI SKOR</b>
<b>SKOR 6</b>	<i>Semua kekuatan yang dihuraikan dalam deskripsi skor 5 dipenuhi. Terdapat unsur inovasi dan kreativiti yang menambah nilai pada usaha-usaha meningkatkan kecemerlangan sekolah yang membawa kepada peningkatan pencapaian murid. Usaha seumpama ini sesuai ditanda aras oleh sekolah lain.</i>
<b>SKOR 5</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Keperluan setiap murid dikenal pasti dan bantuan diberi berdasarkan kriteria kelayakan yang ditetapkan.</li> <li>• Prestasi murid yang menerima bantuan dipantau dan tindakan penambahbaikan diambil dengan segera.</li> <li>• Program kesihatan yang dirancang dan dilaksanakan memberi kesedaran kepada murid tentang kepentingan kesihatan.</li> <li>• Maklumat berkaitan wabak atau penyakit yang berjangkit disebar luas untuk memberi kesedaran dan membolehkan masalah ditangani dengan segera.</li> <li>• Program keselamatan yang dirancang dan dilaksanakan memberi kesedaran kepada murid tentang keselamatan.</li> <li>• Rekod kesihatan murid disimpan untuk semua murid dengan sistematik, lengkap dan kemas kini.</li> </ul>
<b>SKOR 4</b>	<i>Semua kekuatan yang dihuraikan dalam deskripsi skor 3 dipenuhi. Terdapat banyak kekuatan yang nyata tetapi belum mencapai keseluruhan deskripsi skor 5.</i>
<b>SKOR 3</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Keperluan setiap murid dikenal pasti dan bantuan diberi berdasarkan kriteria kelayakan yang ditetapkan.</li> <li>• Prestasi murid yang menerima bantuan dipantau.</li> <li>• Program kesihatan dirancang dan dilaksanakan.</li> <li>• Program keselamatan dirancang dan dilaksanakan.</li> <li>• Rekod kesihatan murid disimpan untuk semua murid.</li> </ul>
<b>SKOR 2</b>	<i>Terdapat sedikit kekuatan tetapi masih banyak kelemahan yang nyata dan belum mencapai deskripsi skor 3.</i>
<b>SKOR 1</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bantuan diberi tanpa mengikut kriteria yang ditetapkan.</li> <li>• Prestasi murid yang menerima bantuan tidak dipantau.</li> <li>• Program kesihatan dan keselamatan dilaksanakan secara <i>ad hoc</i>.</li> </ul>

<b>STANDARD 4</b>	<b>PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN</b>
<b>Aspek 4.1</b>	<b>Penglibatan Murid</b>
<b>Kriteria Kritikal</b>	<b>Penglibatan aktif murid membolehkan berlakunya pembelajaran berkesan.</b>
<b>SKOR</b>	<b>DESKRIPSI SKOR</b>
<b>SKOR 6</b>	<i>Semua kekuatan yang dihuraikan dalam deskripsi skor 5 dipenuhi. Terdapat unsur kreativiti yang menambah nilai pada usaha-usaha meningkatkan pembelajaran murid.</i>
<b>SKOR 5</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hampir keseluruhan murid terlibat secara aktif dalam aktiviti pembelajaran seperti perbincangan/ memberi respons terhadap soalan guru/membuat catatan/membuat gerakan fizikal atau arahan lain guru.</li> <li>• Hampir keseluruhan murid berinteraksi secara aktif dalam pelbagai hala seperti murid dengan murid, murid dengan guru atau murid dengan bahan.</li> <li>• Hampir keseluruhan murid memberi tumpuan terhadap pelajaran sepanjang waktu pembelajaran.</li> </ul>
<b>SKOR 4</b>	<i>Semua kekuatan yang dihuraikan dalam deskripsi skor 3 dipenuhi. Terdapat banyak kekuatan yang nyata tetapi belum mencapai keseluruhan deskripsi skor 5.</i>
<b>SKOR 3</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kebanyakan murid terlibat secara aktif dalam aktiviti pembelajaran seperti terlibat dalam perbincangan/membuat respons terhadap soalan guru/membuat catatan/membuat gerakan fizikal atau arahan lain guru.</li> <li>• Kebanyakan murid berinteraksi secara aktif dalam pelbagai hala seperti murid dengan murid, murid dengan guru atau murid dengan bahan.</li> <li>• Kebanyakan murid memberi tumpuan terhadap pelajaran sepanjang waktu pembelajaran.</li> </ul>
<b>SKOR 2</b>	<i>Terdapat sedikit kekuatan tetapi masih banyak kelemahan yang nyata dan belum mencapai deskripsi skor 3.</i>
<b>SKOR 1</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sangat sedikit murid terlibat secara aktif dalam aktiviti pembelajaran seperti terlibat dalam perbincangan/membuat respons terhadap soalan guru/membuat catatan/membuat gerakan fizikal atau arahan lain guru.</li> <li>• Sangat sedikit murid berinteraksi secara aktif dalam pelbagai hala seperti murid dengan murid, murid dengan guru atau murid dengan bahan.</li> <li>• Sangat sedikit murid memberi tumpuan terhadap pelajaran sepanjang waktu pembelajaran.</li> </ul>

Aspek 4.2	Penguasaan Pembelajaran Murid
Kriteria Kritikal	Penguasaan pembelajaran murid selaras dengan objektif yang ditetapkan.
SKOR	DESKRIPSI SKOR
<b>SKOR 6</b>	<i>Semua kekuatan yang dihuraikan dalam deskripsi skor 5 dipenuhi. Terdapat unsur kreativiti yang menambah nilai pada usaha-usaha meningkatkan pembelajaran murid.</i>
<b>SKOR 5</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Murid dapat memberi respons dengan tepat terhadap arahan/soalan guru.</li> <li>• Murid memberi pandangan atau idea yang sesuai dan berkaitan tajuk pelajaran.</li> <li>• Murid berupaya melakukan tugas secara akses sendiri, terarah sendiri atau kadar sendiri.</li> <li>• Hampir keseluruhan murid dapat mencapai objektif pembelajaran.</li> </ul>
<b>SKOR 4</b>	<i>Semua kekuatan yang dihuraikan dalam deskripsi skor 3 dipenuhi. Terdapat banyak kekuatan yang nyata tetapi belum mencapai keseluruhan deskripsi skor 5.</i>
<b>SKOR 3</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Murid dapat memberi respons terhadap arahan/soalan guru.</li> <li>• Murid memberi pandangan atau idea yang berkaitan tajuk pelajaran.</li> <li>• Kebanyakan murid dapat mencapai objektif pembelajaran</li> </ul>
<b>SKOR 2</b>	<i>Terdapat sedikit kekuatan tetapi masih banyak kelemahan yang nyata dan belum mencapai deskripsi skor 3.</i>
<b>SKOR 1</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sangat sedikit murid memberi respons terhadap arahan/soalan guru.</li> <li>• Sangat sedikit murid dapat mencapai objektif pembelajaran.</li> </ul>

<b>Aspek 4.3</b>	<b>Hasil Kerja Murid</b>
<b>Kriteria Kritikal</b>	<b>Hasil kerja murid yang berkualiti dapat mengukuhkan pembelajaran.</b>
<b>SKOR</b>	<b>DESKRIPSI SKOR</b>
<b>SKOR 6</b>	<i>Semua kekuatan yang diuraikan dalam deskripsi skor 5 dipenuhi. Terdapat unsur kreativiti yang menambah nilai pada usaha-usaha meningkatkan pembelajaran murid.</i>
<b>SKOR 5</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hampir keseluruhan murid menghasilkan tugas atau latihan dengan kemas serta mematuhi format dan prosedur.</li> <li>• Hampir keseluruhan murid menyiapkan semua tugas atau latihan yang diberikan.</li> <li>• Hampir keseluruhan murid melakukan pembetulan bagi tugas atau latihan secara konsisten.</li> <li>• Jumlah dan kekerapan tugas atau latihan yang dibuat sesuai dengan keupayaan murid.</li> </ul>
<b>SKOR 4</b>	<i>Semua kekuatan yang diuraikan dalam deskripsi skor 3 dipenuhi. Terdapat banyak kekuatan yang nyata tetapi belum mencapai keseluruhan deskripsi skor 5.</i>
<b>SKOR 3</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kebanyakan murid menghasilkan tugas atau latihan dengan kemas serta mematuhi format dan prosedur.</li> <li>• Kebanyakan murid menyiapkan kebanyakan tugas atau latihan yang diberikan.</li> <li>• Kebanyakan murid membuat pembetulan bagi tugas atau latihan secara konsisten.</li> <li>• Jumlah dan kekerapan tugas atau latihan yang dibuat sesuai dengan keupayaan murid.</li> </ul>
<b>SKOR 2</b>	<i>Terdapat sedikit kekuatan tetapi masih banyak kelemahan nyata dan belum mencapai deskripsi skor 3.</i>
<b>SKOR 1</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sangat sedikit murid menghasilkan tugas atau latihan dengan kemas serta mematuhi format dan prosedur.</li> <li>• Sangat sedikit murid menyiapkan kebanyakan tugas atau latihan yang diberikan.</li> <li>• Sangat sedikit murid membuat pembetulan bagi tugas atau latihan secara konsisten.</li> <li>• Jumlah dan kekerapan tugas atau latihan yang dibuat tidak sesuai dengan keupayaan murid.</li> </ul>

Aspek 4.4	Perancangan Dan Persediaan Guru
Kriteria Kritikal	Perancangan dan persediaan yang rapi meningkatkan keberkesanan pengajaran.
SKOR	DESKRIPSI SKOR
SKOR 6	<i>Semua kekuatan yang dihuraikan dalam deskripsi skor 5 dipenuhi. Terdapat unsur inovasi dan kreativiti yang menambah nilai pada usaha-usaha meningkatkan pencapaian murid. Kesungguhan guru untuk memastikan murid menguasai pelajaran sangat menyerlah.</i>
SKOR 5	<ul style="list-style-type: none"> <li>Rancangan Pelajaran Tahunan (RPT) yang disediakan meliputi sepanjang tahun persekolahan berdasarkan sukatan dan huraian sukatan pelajaran (standard kurikulum) terkini dan sesuai dengan takwim persekolahan.</li> <li>Rancangan Pelajaran Harian (RPH) yang disediakan berdasarkan RPT. Objektif pelajaran dinyatakan dalam bentuk perlakuan, boleh diukur dan sesuai dengan keupayaan murid. Aktiviti yang dirancang terarah untuk mencapai objektif pelajaran.</li> <li>Refleksi dicatatkan bagi setiap pelajaran dengan merujuk kepada objektif pelajaran.</li> <li>Refleksi P&amp;P digunakan sebagai panduan untuk merancang RPH yang seterusnya.</li> </ul>
SKOR 4	<i>Semua kekuatan yang dihuraikan dalam deskripsi skor 3 dipenuhi. Terdapat banyak kekuatan yang nyata tetapi belum mencapai keseluruhan deskripsi skor 5.</i>
SKOR 3	<ul style="list-style-type: none"> <li>RPT yang disediakan meliputi sepanjang tahun persekolahan berdasarkan sukatan dan huraian sukatan pelajaran (standard kurikulum) terkini.</li> <li>RPH yang disediakan berdasarkan RPT. Objektif pelajaran dinyatakan dalam bentuk perlakuan. Aktiviti dirancang untuk mencapai objektif pelajaran.</li> <li>Refleksi dicatatkan bagi setiap pelajaran.</li> </ul>
SKOR 2	<i>Terdapat sedikit kekuatan tetapi masih banyak kelemahan yang nyata dan belum mencapai deskripsi skor 3.</i>
SKOR 1	<ul style="list-style-type: none"> <li>RPT tidak disediakan.</li> <li>RPH tidak disediakan.</li> </ul>



Aspek 4.5	Kaedah Penyampaian
Kriteria Kritikal	Kaedah penyampaian yang sesuai meningkatkan pencapaian objektif pelajaran.
SKOR	DESKRIPSI SKOR
SKOR 6	<i>Semua kekuatan yang diuraikan dalam deskripsi skor 5 dipenuhi. Terdapat unsur inovasi dan kreativiti yang menambah nilai pada usaha-usaha meningkatkan pencapaian murid. Kesungguhan guru untuk memastikan murid menguasai pelajaran sangat menyerlah.</i>
SKOR 5	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Guru mewujudkan kesediaan belajar dalam kalangan murid.</li> <li>• Kaedah pengajaran sesuai dengan keperluan dan keupayaan murid .</li> <li>• Aktiviti yang dilaksanakan berkait rapat dengan pengalaman atau pengetahuan murid.</li> <li>• Guru mengamalkan prinsip-prinsip pengajaran asas (mudah kepada kompleks, konkrit kepada abstrak).</li> <li>• Aktiviti yang dijalankan menarik dan menjurus kepada pencapaian objektif pelajaran.</li> <li>• Aktiviti pembelajaran merangsang pemikiran kreatif dan kritis serta memupuk nilai dalam kalangan murid.</li> <li>• Aktiviti pemulihan atau pengayaan dilaksanakan secara terancang.</li> <li>• Guru menyampaikan pelajaran secara fleksibel mengikut situasi.</li> <li>• Masa pelajaran digunakan secara optimum.</li> </ul>
SKOR 4	<i>Semua kekuatan yang diuraikan dalam deskripsi skor 3 dipenuhi. Terdapat banyak kekuatan yang nyata tetapi belum mencapai keseluruhan deskripsi skor 5.</i>
SKOR 3	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Guru mewujudkan kesediaan belajar dalam kalangan murid.</li> <li>• Kaedah pengajaran sesuai dengan keperluan dan keupayaan murid.</li> <li>• Aktiviti yang dilaksanakan berkait dengan pengalaman atau pengetahuan murid.</li> <li>• Guru mengamalkan prinsip-prinsip pengajaran asas (mudah kepada kompleks, konkrit kepada abstrak).</li> <li>• Aktiviti pemulihan atau pengayaan dilaksanakan.</li> <li>• Masa pelajaran digunakan secara optimum.</li> </ul>
SKOR 2	<i>Terdapat sedikit kekuatan tetapi masih banyak kelemahan yang nyata dan belum mencapai deskripsi skor 3.</i>
SKOR 1	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Guru tidak berjaya mewujudkan kesediaan murid belajar.</li> <li>• Kaedah pengajaran kurang sesuai dengan keperluan dan tahap pembelajaran murid.</li> <li>• Aktiviti pembelajaran yang dilaksanakan tidak dapat menarik perhatian murid.</li> <li>• Masa pelajaran tidak digunakan secara optimum.</li> </ul>

<b>Aspek 4.6</b>	<b>Kemahiran Komunikasi</b>
<b>Kriteria Kritikal</b>	<b>Komunikasi berkesan memudahkan pemahaman dan menggalakkan pembelajaran murid.</b>
<b>SKOR</b>	<b>DESKRIPSI SKOR</b>
<b>SKOR 6</b>	<i>Semua kekuatan yang diuraikan dalam deskripsi skor 5 dipenuhi. Terdapat unsur inovasi dan kreativiti yang menambah nilai pada usaha-usaha meningkatkan pencapaian murid. Kesungguhan guru untuk memastikan murid menguasai pelajaran sangat menyerlah.</i>
<b>SKOR 5</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Guru berkomunikasi dengan bahasa yang betul, mudah difahami, sebutan yang jelas, tepat serta nada suara yang sesuai.</li> <li>• Guru berkemahiran mendengar dan memberi maklum balas yang relevan secara lisan atau bukan lisan dengan berkesan.</li> <li>• Guru berjaya memotivasikan murid dengan memberi pujian atau galakan.</li> </ul>
<b>SKOR 4</b>	<i>Semua kekuatan yang diuraikan dalam deskripsi skor 3 dipenuhi. Terdapat banyak kekuatan yang nyata tetapi belum mencapai keseluruhan deskripsi skor 5.</i>
<b>SKOR 3</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Guru berkomunikasi dengan bahasa yang betul dan sebutan yang jelas.</li> <li>• Guru berkemahiran mendengar dan memberi maklum balas secara lisan.</li> <li>• Guru memotivasikan murid dengan memberi pujian atau galakan.</li> </ul>
<b>SKOR 2</b>	<i>Terdapat sedikit kekuatan tetapi masih banyak kelemahan yang nyata dan belum mencapai deskripsi skor 3.</i>
<b>SKOR 1</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Guru tidak kemahiran mendengar dan tidak memberikan maklum balas.</li> <li>• Guru tidak memotivasikan murid untuk melibatkan diri dalam aktiviti P&amp;P.</li> </ul>

Aspek 4.7	Penggunaan Sumber Pendidikan
Kriteria Kritikal	Penggunaan sumber pendidikan yang berkesan membantu mengukuhkan pembelajaran murid.
SKOR	DESKRIPSI SKOR
SKOR 6	<i>Semua kekuatan yang diuraikan dalam deskripsi skor 5 dipenuhi. Terdapat unsur inovasi dan kreativiti yang menambah nilai pada usaha-usaha meningkatkan pencapaian murid. Kesungguhan guru untuk memastikan murid menguasai pelajaran sangat menyerlah</i>
SKOR 5	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Guru memilih/menyediakan sumber pendidikan yang sesuai, menarik dan merangsang pemikiran murid.</li> <li>• Penggunaan sumber pendidikan mewujudkan suasana pembelajaran yang menarik dan meningkatkan minat murid untuk terlibat dalam pembelajaran.</li> <li>• Guru memberi penekanan kepada cara penggunaan yang betul dan aspek keselamatan dalam penggunaan sumber pendidikan yang berkaitan.</li> </ul>
SKOR 4	<i>Semua kekuatan yang diuraikan dalam deskripsi skor 3 dipenuhi. Terdapat banyak kekuatan yang nyata tetapi belum mencapai keseluruhan deskripsi skor 5.</i>
SKOR 3	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Guru memilih/menyediakan sumber pendidikan yang sesuai.</li> <li>• Penggunaan sumber pendidikan meningkatkan minat murid untuk terlibat dalam pembelajaran.</li> <li>• Guru memberi penekanan kepada cara penggunaan yang betul dan aspek keselamatan dalam penggunaan sumber pendidikan yang berkaitan.</li> </ul>
SKOR 2	<i>Terdapat sedikit kekuatan tetapi masih banyak kelemahan yang nyata dan belum mencapai deskripsi skor 3.</i>
SKOR 1	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Aktiviti P&amp;P yang dilaksanakan tidak disokong dengan penggunaan sumber pendidikan yang sesuai.</li> </ul>

Aspek 4.8	Penilaian
Kriteria Kritikal	Penilaian yang berterusan meningkatkan keberkesanan P&P.
SKOR	DESKRIPSI SKOR
SKOR 6	<i>Semua kekuatan yang diuraikan dalam deskripsi skor 5 dipenuhi. Terdapat unsur inovasi dan kreativiti yang menambah nilai pada usaha-usaha meningkatkan pencapaian murid. Kesungguhan guru untuk memastikan murid menguasai pelajaran sangat menyerlah.</i>
SKOR 5	<ul style="list-style-type: none"> <li>Guru menggunakan pelbagai kaedah untuk membuat penilaian formatif semasa P&amp;P untuk mengukur dan mengesan kemajuan murid serta memastikan objektif/hasil pembelajaran tercapai.</li> <li>Guru menggunakan maklum balas penilaian formatif untuk tindakan pembetulan / penambahbaikan segera dalam P&amp;P.</li> <li>Hasil kerja murid disemak secara konstruktif dan konsisten.</li> </ul>
SKOR 4	<i>Semua kekuatan yang diuraikan dalam deskripsi skor 3 dipenuhi. Terdapat banyak kekuatan yang nyata tetapi belum mencapai keseluruhan deskripsi skor 5.</i>
SKOR 3	<ul style="list-style-type: none"> <li>Guru membuat penilaian formatif semasa P&amp;P untuk mengukur dan mengesan kemajuan murid.</li> <li>Guru menggunakan maklum balas penilaian formatif untuk tindakan pembetulan dalam P&amp;P.</li> <li>Hasil kerja murid disemak secara konsisten.</li> </ul>
SKOR 2	<i>Terdapat sedikit kekuatan tetapi masih banyak kelemahan yang nyata dan belum mencapai deskripsi skor 3.</i>
SKOR 1	<ul style="list-style-type: none"> <li>Guru tidak membuat penilaian formatif semasa P&amp;P.</li> <li>Hasil kerja murid tidak disemak.</li> </ul>

Aspek 4.9	Teknik Penyoalan
Kriteria Kritikal	Teknik penyoalan yang berkesan meningkatkan pemahaman murid.
SKOR	DESKRIPSI SKOR
SKOR 6	<i>Semua kekuatan yang dihuraikan dalam deskripsi skor 5 dipenuhi. Terdapat unsur inovasi dan kreativiti yang menambah nilai pada usaha-usaha meningkatkan pencapaian murid. Kesungguhan guru untuk memastikan murid menguasai pelajaran sangat menyerlah.</i>
SKOR 5	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Guru mengemukakan soalan yang mudah difahami, bertumpu, bercapah, meliputi pelbagai aras kognitif dan disebarkan ke seluruh kelas.</li> <li>• Guru memberi respons yang sesuai terhadap jawapan murid.</li> <li>• Soalan yang dikemukakan dapat meningkatkan minat hampir keseluruhan murid untuk terlibat dalam P&amp;P.</li> <li>• Soalan yang dikemukakan dapat mencetuskan pemikiran kreatif dan kritis murid.</li> </ul>
SKOR 4	<i>Semua kekuatan yang dihuraikan dalam deskripsi skor 3 dipenuhi. Terdapat banyak kekuatan yang nyata tetapi belum mencapai keseluruhan deskripsi skor 5.</i>
SKOR 3	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Guru mengemukakan soalan yang mudah difahami dan disebarkan ke seluruh kelas.</li> <li>• Guru memberi respons yang sesuai terhadap jawapan murid.</li> <li>• Soalan yang dikemukakan dapat meningkatkan minat kebanyakan murid untuk terlibat dalam P&amp;P.</li> </ul>
SKOR 2	<i>Terdapat sedikit kekuatan tetapi masih banyak kelemahan yang nyata dan belum mencapai deskripsi skor 3.</i>
SKOR 1	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Aras soalan guru tidak sesuai dengan kebolehan murid dan sebaran soalan tidak menyeluruh.</li> <li>• Guru tidak memberi respons terhadap jawapan yang diberikan oleh murid.</li> </ul>

<b>Aspek 4.10</b>	<b>Penguasaan Isi Kandungan</b>
<b>Kriteria Kritikal</b>	<b>Penguasaan isi kandungan yang mendalam membolehkan pelajaran disampaikan dengan yakin, jelas dan tepat.</b>
<b>SKOR</b>	<b>DESKRIPSI SKOR</b>
<b>SKOR 6</b>	<i>Semua kekuatan yang dihuraikan dalam deskripsi skor 5 dipenuhi. Terdapat unsur inovasi dan kreativiti yang menambah nilai pada usaha-usaha meningkatkan pencapaian murid. Kesungguhan guru untuk memastikan murid menguasai pelajaran sangat menyerlah</i>
<b>SKOR 5</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Guru dapat menyampaikan isi pelajaran sesuai dengan objektif pelajaran.</li> <li>• Guru dapat menjelaskan konsep/fakta atau memberi jawapan dengan yakin, jelas dan tepat.</li> <li>• Guru menghuraikan isi pelajaran dengan mengaitkannya dengan situasi semasa atau pengalaman murid.</li> <li>• Guru berkemahiran memeringkatkan isi pelajaran mengikut potensi murid.</li> </ul>
<b>SKOR 4</b>	<i>Semua kekuatan yang dihuraikan dalam deskripsi skor 3 dipenuhi. Terdapat banyak kekuatan yang nyata tetapi belum mencapai keseluruhan deskripsi skor 5.</i>
<b>SKOR 3</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Guru dapat menyampaikan isi pelajaran sesuai dengan objektif pelajaran.</li> <li>• Guru dapat menjelaskan konsep/fakta.</li> <li>• Guru mengaitkan isi pelajaran dengan situasi semasa.</li> </ul>
<b>SKOR 2</b>	<i>Terdapat sedikit kekuatan tetapi masih banyak kelemahan yang nyata dan belum mencapai deskripsi skor 3.</i>
<b>SKOR 1</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Isi pelajaran yang disampaikan tidak menepati objektif pelajaran.</li> <li>• Konsep dan fakta yang dihuraikan terhad dan tidak jelas.</li> <li>• Isi pelajaran tidak dikaitkan dengan situasi semasa /pengalaman murid.</li> </ul>

<b>Aspek 4.11</b>	<b>Pengurusan Kelas (Bilik Darjah/ Makmal/ Bengkel/Padang)</b>
<b>Kriteria Kritikal</b>	<b>Pengurusan kelas yang cekap mewujudkan suasana yang kondusif untuk meningkatkan keberkesanan P&amp;P.</b>
<b>SKOR</b>	<b>DESKRIPSI SKOR</b>
<b>SKOR 6</b>	<i>Semua kekuatan yang dihuraikan dalam deskripsi skor 5 dipenuhi. Terdapat unsur inovasi dan kreativiti yang menambah nilai pada usaha-usaha meningkatkan pencapaian murid. Kesungguhan guru untuk memastikan murid menguasai pelajaran sangat menyerlah.</i>
<b>SKOR 5</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Guru memastikan kelas berada dalam keadaan kondusif untuk proses P&amp;P.</li> <li>• Guru dapat mengawal tingkah laku murid dengan menegaskan pematuhan pada peraturan serta memastikan murid memberi tumpuan terhadap pelajaran.</li> <li>• Guru menegur salah laku murid (jika berlaku) dengan serta-merta tanpa menjejaskan maruah mereka.</li> <li>• Susun atur kedudukan murid sesuai dengan aktiviti yang dilaksanakan dan ruang kelas digunakan secara optimum untuk tujuan pembelajaran.</li> </ul>
<b>SKOR 4</b>	<i>Semua kekuatan yang dihuraikan dalam deskripsi skor 3 dipenuhi. Terdapat banyak kekuatan yang nyata tetapi belum mencapai keseluruhan deskripsi skor 5.</i>
<b>SKOR 3</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Guru memastikan kelas berada dalam keadaan kondusif untuk proses P&amp;P.</li> <li>• Guru dapat mengawal tingkah laku murid dan memastikan murid memberi perhatian terhadap pelajaran.</li> <li>• Guru menegur salah laku murid (jika berlaku).</li> </ul>
<b>SKOR 2</b>	<i>Terdapat sedikit kekuatan tetapi masih banyak kelemahan yang nyata dan belum mencapai deskripsi skor 3.</i>
<b>SKOR 1</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Guru tidak memastikan kelas berada dalam keadaan kondusif untuk proses P&amp;P.</li> <li>• Guru gagal mengawal tingkah laku murid.</li> </ul>

<b>Aspek 4.12</b>	<b>Amalan Profesionalisme Keguruan</b>
<b>Kriteria Kritikal</b>	<b>Pematuhan etika kerja dan amalan nilai yang positif mewujudkan keyakinan dan kepercayaan murid terhadap guru.</b>
<b>SKOR</b>	<b>DESKRIPSI SKOR</b>
<b>SKOR 6</b>	<i>Semua kekuatan yang diuraikan dalam deskripsi skor 5 dipenuhi. Terdapat unsur inovasi dan kreativiti yang menambah nilai pada usaha-usaha meningkatkan pencapaian murid. Kesungguhan guru untuk memastikan murid menguasai pelajaran sangat menyerlah.</i>
<b>SKOR 5</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Guru menunjukkan semangat dan kesungguhan dalam menyampaikan pelajaran.</li> <li>• Guru prihatin terhadap pendidikan murid dan bersikap adil serta bertimbang rasa terhadap setiap murid dalam kelasnya.</li> <li>• Guru menepati masa.</li> <li>• Guru bersikap mesra, sabar dan mudah didekati.</li> <li>• Guru memperlihatkan perwatakan positif dan mengamalkan nilai murni yang boleh dicontohi murid.</li> </ul>
<b>SKOR 4</b>	<i>Semua kekuatan yang diuraikan dalam deskripsi skor 3 dipenuhi. Terdapat banyak kekuatan yang nyata tetapi belum mencapai keseluruhan deskripsi skor 5.</i>
<b>SKOR 3</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Guru mempunyai kesungguhan dalam menyampaikan pelajaran.</li> <li>• Guru menepati masa.</li> <li>• Guru memperlihatkan perwatakan positif dan mengamalkan nilai murni yang boleh dicontohi murid.</li> </ul>
<b>SKOR 2</b>	<i>Terdapat sedikit kekuatan tetapi masih banyak kelemahan yang nyata dan belum mencapai deskripsi skor 3.</i>
<b>SKOR 1</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Guru tidak bersungguh-sungguh dalam menyampaikan pelajaran.</li> <li>• Guru tidak prihatin terhadap pendidikan murid.</li> <li>• Guru tidak menepati masa.</li> </ul>



<b>STANDARD 5</b>	<b>KEMENJADIAN MURID</b>
<b>5.1</b>	<b>KEMENJADIAN MURID PRASEKOLAH</b>
<b>Aspek 5.1a</b>	<b>Penguasaan Tunjang Komunikasi</b>
<b>Kriteria Kritikal</b>	<b>Peratus murid yang menguasai Tunjang Komunikasi dalam tahun terkini.</b>
<b>SKOR (%)</b>	

<b>Aspek 5.1b</b>	<b>Penguasaan Tunjang Kerohanian, Sikap dan Nilai</b>
<b>Kriteria Kritikal</b>	<b>Peratus murid yang menguasai Tunjang Kerohanian, Sikap dan Nilai dalam tahun terkini.</b>
<b>SKOR (%)</b>	

<b>Aspek 5.1c</b>	<b>Penguasaan Tunjang Sains dan Teknologi</b>
<b>Kriteria Kritikal</b>	<b>Peratus murid yang menguasai Tunjang Sains dan Teknologi dalam tahun terkini.</b>
<b>SKOR (%)</b>	

<b>Aspek 5.1d</b>	<b>Penguasaan Tunjang Kemanusiaan</b>
<b>Kriteria Kritikal</b>	<b>Peratus murid yang menguasai Tunjang Kemanusiaan dalam tahun terkini.</b>
<b>SKOR (%)</b>	

<b>Aspek 5.1e</b>	<b>Penguasaan Tunjang Fizikal dan Estetika</b>
<b>Kriteria Kritikal</b>	<b>Peratus murid yang menguasai Tunjang Fizikal dan Estetika dalam tahun terkini.</b>
<b>SKOR (%)</b>	

<b>Aspek 5.1f</b>	<b>Penguasaan Tunjang Ketrampilan Diri</b>
<b>Kriteria Kritikal</b>	<b>Peratus murid yang menguasai Tunjang Ketrampilan Diri dalam tahun terkini.</b>
<b>SKOR (%)</b>	

<b>5.2</b>	<b>KEMENJADIAN MURID BERKEPERLUAN KHAS</b>
<b>Aspek 5.2</b>	<b>Pencapaian Matlamat Tahunan Murid Berkeperluan Khas (Murid prasekolah, sekolah rendah dan menengah)</b>
<b>Kriteria Kritikal</b>	<b>Peratus murid mencapai matlamat tahunan individu yang ditetapkan dalam tahun terkini.</b>
<b>SKOR (%)</b>	

<b>5.3</b>	<b>KEMENJADIAN MURID DALAM AKADEMIK</b>
<b>5.3.1</b>	<b>KEMENJADIAN MURID DALAM AKADEMIK- PKS</b>
<b>Aspek 5.3.1a</b>	<b>Pencapaian Murid Sekolah Rendah Dalam PKS (keseluruhan)</b>
<b>Kriteria Kritikal</b>	<b>Peratus murid menguasai sekurang-kurangnya Gred C dalam semua mata pelajaran Penilaian Kendalian Sekolah (PKS) (Peperiksaan Akhir Tahun) terkini.</b>
<b>SKOR (%)</b>	

<b>Aspek 5.3.1b</b>	<b>Pencapaian Murid Sekolah Rendah Dalam PKS</b>				
<b>Kriteria Kritikal</b>	<b>Peratus murid mendapat Gred A dalam semua mata pelajaran PKS (Peperiksaan Akhir Tahun) terkini.</b>				
<b>SKOR</b>					
<b>1</b>	<b>2</b>	<b>3</b>	<b>4</b>	<b>5</b>	<b>6</b>
Tiada	01-4.99%	5.00-9.99%	10.00-14.99%	15.00-19.99%	20% dan lebih

<b>Aspek 5.3.1c</b>	<b>Pencapaian Murid Sekolah Rendah Dalam PKS - (GPS)</b>
<b>Kriteria Kritikal</b>	<b>GPS dinyatakan dalam bentuk peratus bagi PKS (Peperiksaan Akhir Tahun) terkini.</b>
<b>SKOR (%)</b>	

<b>5.3.2</b>	<b>KEMENJADIAN MURID DALAM AKADEMIK-UPSR</b>
<b>Aspek 5.3.2a</b>	<b>Pencapaian Murid Dalam UPSR (Keseluruhan)</b>
<b>Kriteria Kritikal</b>	<b>Peratus murid menguasai sekurang-kurangnya Gred C dalam semua mata pelajaran UPSR terkini.</b>
<b>SKOR (%)</b>	

<b>Aspek 5.3.2b</b>	<b>Pencapaian Murid Dalam UPSR (Gred A)</b>				
<b>Kriteria Kritikal</b>	<b>Peratus murid mendapat Gred A dalam semua mata pelajaran UPSR terkini.</b>				
<b>SKOR</b>					
<b>1</b>	<b>2</b>	<b>3</b>	<b>4</b>	<b>5</b>	<b>6</b>
<b>Tiada</b>	<b>0.01-4.99%</b>	<b>5.00-9.99%</b>	<b>10.00-14.99%</b>	<b>15.00-19.99%</b>	<b>20% dan lebih</b>

<b>Aspek 5.3.2c</b>	<b>Pencapaian Murid Dalam UPSR (GPS)</b>
<b>Kriteria Kritikal</b>	<b>GPS dinyatakan dalam bentuk peratus bagi UPSR terkini.</b>
<b>SKOR (%)</b>	

<b>5.3.3</b>	<b>KEMENJADIAN MURID DALAM AKADEMIK-PKS SEKOLAH MENENGAH</b>
<b>Aspek 5.3.3a</b>	<b>Pencapaian Murid Sekolah Menengah (Ting.Peralihan/1 - 3) Dalam PKS (keseluruhan)</b>
<b>Kriteria Kritikal</b>	<b>Peratus murid menguasai sekurang-kurangnya Gred D dalam semua mata pelajaran PKS (Peperiksaan Akhir Tahun) terkini.</b>
<b>SKOR (%)</b>	

<b>ASPEK 5.3.3b</b>	<b>Pencapaian Murid Sekolah Menengah (Ting.Peralihan/1 - 3) Dalam PKS (Gred A)</b>				
<b>Kriteria Kritikal</b>	<b>Peratus murid mendapat Gred A dalam semua mata pelajaran PKS (Peperiksaan Akhir Tahun) terkini.</b>				
<b>SKOR</b>					
<b>1</b>	<b>2</b>	<b>3</b>	<b>4</b>	<b>5</b>	<b>6</b>
<b>Tiada</b>	<b>0.01-4.99%</b>	<b>5.00-9.99%</b>	<b>10.00-14.99%</b>	<b>15.00-19.99%</b>	<b>20% dan lebih</b>

